

MALAYSIA

Malaysia adalah negara beraja berperlembagaan dengan penduduk seramai kira-kira 26.9 juta. Kerajaan negara ini mengamalkan sistem berparlimen bawah pimpinan Perdana Menteri yang dipilih melalui pilihan raya berbilang parti yang diadakan secara berkala. Barisan Nasional, parti politik perikatan yang diterajui parti UMNO (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu), telah memegang tampuk kepimpinan sejak tahun 1957. Pilihan raya terakhir yang diadakan pada bulan Mac 2008 pada dasarnya dijalankan secara telus, namun pihak pembangkang mendakwa bahawa Barisan Nasional telah menyalahgunakan kuasa sebagai parti pemerintah dan mengawal pihak media. Umumnya, pihak kerajaan mempunyai kawalan penuh atas angkatan keselamatan.

Pihak kerajaan umumnya menghormati hak asasi rakyat. Namun, masih terdapat masalah dari beberapa segi. Kerajaan mengehadkan hak rakyat untuk mengubah kerajaan. Terdapat kes-kes kematian yang berlaku semasa tangkapan polis dan semasa dalam tahanan polis. Penyalahgunaan kuasa oleh ahli-ahli pasukan RELA yang dilaporkan termasuk rogol, belasah, peras ugut, kecurian, rompakan, pemusnahan dokumen Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR) dan dokumen-dokumen pengiktirafan yang lain, dan penyelonggaran penempatan-penempatan pelarian. Masalah-masalah lain termasuk penderaan tahanan oleh polis, kesesakan di penjara, penggunaan empat statut untuk menangkap dan menahan orang tanpa dakwaan ataupun perbicaraan, dan persoalan yang kerap dibangkitkan mengenai kebebasan dan keadilan badan kehakiman. Kerajaan menahan seorang pemimpin pembangkang yang terkenal atas dakwaan liwat bermotivasikan politik. Kerajaan juga menahan pemimpin-pemimpin pembangkang yang lain, wartawan, dan pemblog Internet juga atas sebab-sebab politik. Kerajaan menahan tanpa perbicaraan lima orang pemimpin kumpulan hak asasi kaum India. Mahkamah sivil masih membenarkan Mahkamah Syariah (Undang-undang Islam) menguatkuasakan undang-undang bagi kes-kes keluarga yang ada di kalangan ahlinya adalah bukan Islam. Kerajaan terus mengehadkan kebebasan akhbar, kebebasan berserikat, kebebasan berhimpun, kebebasan bercakap, dan kebebasan beragama. Perdagangan manusia masih menjadi masalah. Terdapat dakwaan yang boleh dipercayai tentang penglibatan para pegawai imigresen dalam perdagangan pelarian warga Burma. Dasar kerajaan yang sudah lama diamalkan memberi keutamaan kepada kaum Melayu dalam pelbagai bidang. Sesetengah majikan mengeksploitasi pekerja hijrahan dan warga Malaysia berketurunan India untuk dijadikan buruh paksa. Buruh kanak-kanak juga wujud di ladang-ladang.

MALAYSIA

MENGHORMATI HAK ASASI MANUSIA

Bahagian 1 Menghormati Integriti Seseorang, Termasuk Kebebasan Daripada:

a. Mengambil Nyawa Dengan Sewenang-wenang atau Menyalahi Undang-undang

Kerajaan atau ejen-ejenya tidak melakukan sebarang pembunuhan yang bermotif politik. Namun begitu, pihak media tempatan telah melaporkan bahawa polis telah membunuh 82 orang semasa cubaan untuk memberkas mereka, iaitu peningkatan daripada 16 orang yang terbunuh pada tahun 2007. Organisasi bukan kerajaan (NGO) tempatan juga melaporkan 7 kematian semasa dalam tahanan polis, iaitu penurunan bilangan daripada 11 orang pada tahun 2007.

Perbicaraan Ketua Inspektor Polis Azilah Hadri dan Koperal Sirul Azhar Umar atas tuduhan membunuh Altantuya Shaaribu pada tahun 2006 masih berlanjutan pada hujung tahun. Pada 31 Oktober, pihak mahkamah telah membebaskan penganalisis politik Razak Baginda daripada tuduhan bersubahat dalam pembunuhan tersebut.

b. Orang yang Hilang

Tiada sebarang laporan tentang kehilangan mana-mana individu yang bermotif politik.

c. Seksaan dan Layanan atau Hukuman Kejam, Tidak Berperikemanusiaan atau Menjatuhkan Maruah

Tiada undang-undang yang melarang secara khusus penyeksaan. Namun, undang-undang yang melarang “melakukan kecederaan parah” merangkumi penyeksaan. Terdapat beberapa dakwaan bahawa pihak RELA dan pegawai imigresen telah menyeksa penghuni di Pusat Tahanan Imigresen (PTI) yang masih ditadbir oleh Jabatan Imigresen dengan bantuan RELA.

Pada 20 April, berikutan pemukulan seorang tahanan warga Pakistan oleh para pegawai imigresen di PTI Lenggeng, para penghuni yang lain telah membuat permohonan untuk berjumpa dengan komandan kem tentang dakwaan penganiayaan tersebut. Apabila

MALAYSIA

pertemuan yang dijanjikan tidak berlaku, para penghuni pusat telah membakar dua buah bangunan. Pada 15 Mei, pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) telah mengesahkan bahawa beliau mendapati bukti penyeksaan di PTI Lenggeng berikutan lawatannya ke kemudahan tersebut pada bulan April. Para saksi mendakwa bahawa pihak pegawai imigresen dan sukarelawan RELA kerap memukul tahanan-tahanan sebagai hukuman, termasuk memukul tapak kaki, menggunakan kejutan elektrik, melecur badan dengan puntung rokok berbara, dan memaksa tahanan lain supaya turut membelasah tahanan yang sedang dihukum.

Pada bulan September, pihak berkuasa membebaskan Sanjeev Kumar yang ditahan bawah ISA pada bulan Julai 2007. Pihak NGO tempatan mendakwa bahawa pihak berkuasa telah menyeksa beliau semasa soal siasat yang berlanjutan selama 15 jam dan tidak memberi rawatan perubatan selepas beliau mengadu sakit selepas diseksa. Pesuruhjaya SUHAKAM mengesahkan bahawa Sanjeev Kumar yang mengalami lumpuh pada lengan kiri dan kaki kiri tidak menerima rawatan perubatan yang wajar. Akibat kecederaan itu, Sanjeev kini separuh lumpuh dan perlu menggunakan kerusi roda.

Pada 6 Ogos, dua pegawai polis negeri Perak telah didakwa menganiaya seorang budak lelaki berumur 10 tahun semasa soal siasat tentang suatu kecurian. Para pegawai tersebut didakwa telah mencekik, melempang, dan melumurkan plastik cair pada kemaluan si mangsa. Ibu bapa atau wakil undang-undang tidak hadir semasa soal siasat dijalankan. Ketua Polis Negeri Perak menyatakan bahawa siasatan polis masih sedang berjalan pada hujung tahun.

Pada 28 Julai, pihak berkuasa telah mendakwa seorang pegawai polis atas tuduhan merogol seorang pelajar semasa berada di stesen polis Putra Heights di Kuala Lumpur.

Undang-undang jenayah menetapkan hukuman sebat sebagai hukuman tambahan selain penjara bagi orang yang tersabit dengan sesetengah kesalahan tanpa keganasan seperti pemilikan bahan narkotik, pecah amanah, dan penyeludupan pendatang asing. Undang-undang menetapkan hukuman sebat sehingga enam kali terhadap pendatang asing tanpa izin

MALAYSIA

dan majikannya. Hakim kerap menjatuhkan hukuman sebat terhadap pesalah dalam kes culik, rogol dan rompak. Beberapa undang-undang Syariah negeri juga menetapkan hukuman sebat menggunakan rotan kayu setebal setengah inci yang lazimnya meninggalkan kesan bilur dan kadang kala, parut. Undang-undang mengecualikan lelaki berusia lebih 50 tahun dan wanita daripada hukuman sebat. Kanak-kanak lelaki yang berusia 10 tahun ke atas juga boleh disebat sehingga 10 kali menggunakan “rotan ringan”.

Kedaaan di Penjara dan Pusat Tahanan

Kesesakan penjara yang kebanyakannya terletak berhampiran bandar-bandar utama masih menjadi masalah yang serius. Pada bulan Julai, Kementerian Dalam Negeri melaporkan bilangan tahanan di 29 buah penjara di negara telah melebihi keupayaan maksimumnya sebanyak 28 peratus. Pihak NGO dan pertubuhan antarabangsa menganggarkan sebahagian besar daripada 16 buah PTI di negara ini sudah mencapai atau melebihi tahap maksimum. Ada di kalangan para tahanan yang ditahan selama setahun atau lebih daripada setahun.

Pihak NGO dan pertubuhan antarabangsa yang terlibat dengan pekerja hijrahan dan pelarian membuat dakwaan yang boleh dipercayai tentang kekurangan makanan, air, penjagaan perubatan, sanitasi yang tidak baik, dan penganiayaan banduan di PTI. Mengikut Menteri Dalam Negeri, kesemua pusat tahanan mempunyai prosedur pengendalian piawai tersendiri yang sejajar dengan piawai mutu antarabangsa. Sebuah NGO yang melawat kem-kem ini mendakwa bahawa kesesakan, keadaan sanitasi yang teruk, dan kekurangan pemeriksaan dan rawatan perubatan memudahkan penyakit merebak. Pada tahun ini, kerajaan telah membenarkan NGO tempatan yang mempunyai klinik perubatan bergerak untuk melawat PTI.

Kerajaan tidak membenarkan Jawatankuasa Antarabangsa Palang Merah melawat penjara. Pihak berkuasa biasanya tidak membenarkan NGO dan pihak media untuk memantau keadaan di penjara. Kerajaan mengizinkan lawatan oleh para pegawai SUHAKAM mengikut keadaan.

MALAYSIA

UNHCR dibenarkan berjumpa dengan pelarian berdaftar dan pemohon suaka yang ditahan di PTI dan penjara tetapi para pegawai penjara dan PTI tidak membenarkan UNHCR melawat para pemohon suaka tidak berdaftar yang sedang ditahan. Pada tahun ini, anggota kakitangan UNHCR telah membuat lawatan ke beberapa buah penjara dan PTI di seluruh negara untuk menawarkan kaunseling dan sokongan kepada mereka yang memerlukan perlindungan serta memastikan bahawa mereka diberi wakil perundangan. Mengikut undang-undang, sesiapa yang masuk ke dalam negara ini tanpa dokumen sah akan dianggap sebagai pendatang haram dan boleh dihukum penjara sehingga lima tahun, dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 (kira-kira \$2,941) atau kedua-duanya sekali, dan dirotan tidak melebihi enam kali sebatan.

d. Penangkapan atau Penahanan Sewenang-wenang

Perlembagaan menetapkan bahawa tiada sesiapa yang boleh dipenjarakan kecuali mengikut undang-undang. Namun, undang-undang membenarkan penahanan siasatan bagi menghalang orang yang disyaki melakukan jenayah daripada melarikan diri atau menghapuskan bukti semasa siasatan polis sedang dijalankan. Empat undang-undang juga membenarkan tahanan pencegahan bagi tujuan memenjara individu yang disyaki telah melakukan jenayah atau menghalang seseorang daripada melakukan jenayah pada masa depan. Undang-undang ini menyekat dan adakalanya menghalang kemudahan mendapatkan khidmat peguam yang cepat serta perbicaraan awam yang adil.

Peranan Polis dan Jentera Keselamatan

Polis Diraja Malaysia berada bawah perintah Ketua Polis Negara (KPN) yang melapor kepada Menteri Dalam Negeri. Ketua Polis Negara bertanggungjawab terhadap pengurusan dan pentadbiran angkatan polis. Pihak kerajaan mempunyai mekanisme tertentu untuk menyiasat dan menghukum sebarang penyalahgunaan kuasa dan rasuah. Terdapat beberapa laporan yang mendakwa bahawa angkatan keselamatan bertindak dengan sewenang-wenangnya pada tahun itu.

Beberapa buah NGO telah menjalankan kaji selidik tempatan tentang rasuah oleh pihak kerajaan dan mendapati bahawa polis adalah di kalangan organisasi kerajaan yang paling

MALAYSIA

bergelumang dengan rasuah. Data tambahan menunjukkan sebanyak 73 peratus daripada mereka yang menyertai kaji selidik tersebut mempunyai tanggapan bahawa usaha pencegahan rasuah pihak kerajaan adalah “tidak berkesan atau amat tidak berkesan.” Kesalahan pihak polis yang dilaporkan termasuk menerima rasuah, kecurian, dan rogol. Hukuman yang dikenakan termasuk penggantungan kerja, penyingkiran daripada jawatan, dan penurunan pangkat. Pegawai polis dikenakan pembicaraan oleh mahkamah sivil. Wakil-wakil polis melaporkan bahawa terdapat tindakan disiplin yang telah dikenakan terhadap para pegawai polis pada tahun itu.

Pihak kerajaan masih memberikan tumpuan kepada usaha pembaharuan polis melalui kenaikan gaji, pembaikan tempat tinggal, dan pembaikan keadaan hidup pegawai polis. Walau bagaimanapun, status pembaharuan lain, termasuk pembentukan suruhanjaya bebas berkaitan aduan dan salah laku polis masih tertunggak pada akhir tahun. Badan-badan NGO mengadu bahawa usaha pembaharuan yang dilakukan oleh pihak kerajaan adalah kurang telus.

Pusat latihan polis masih memasukkan latihan kesedaran hak asasi manusia dalam kursus-kursus yang disediakan. SUHAKAM telah menganjurkan satu latihan hak asasi manusia bagi pihak polis pada tahun itu.

Angkatan keselamatan gagal menghalang atau mengambil tindakan terhadap beberapa kejadian keganasan masyarakat. Pada tahun itu, pihak boleh telah mengiring penunjuk-penunjuk perasaan dan membenarkan mereka mengganggu secara kasar sebuah forum anjuran Majlis Peguam berkaitan penukaran agama.

Kementerian Dalam Negeri menggunakan bantuan RELA untuk menjalankan serbuan dan menahan mereka yang disyaki sebagai hijrahan haram. Pada bulan November, Menteri Dalam Negeri mengumumkan bahawa anggota RELA akan menjalani latihan polis dan ketenteraan bagi memperluaskan kemampuan mereka serta menjadi “organisasi yang dihormati.”

MALAYSIA

Penyalahgunaan kuasa oleh RELA yang dilaporkan termasuk merogol, membelasah, memeras ugut, mencuri, merompak rumah, memusnahkan dokumen UNHCR dan dokumen pengiktirafan lain, dan merompak penempatan-penempatan pelarian. Pada bulan Januari, pasukan RELA didakwa telah menjarah kem pelarian sementara Burma dan mencuri mana-mana barang yang berharga termasuk wang, telefon bimbit, kain selimut, dan hasil seni yang dibuat dan dijual oleh para pelarian sebagai mata pencarian; membakar kem; serta menahan 23 orang dan membawa mereka ke PTI.

Pada bulan Mei, RELA telah menahan seorang diplomat asing walaupun beliau telah menunjukkan kad pengenalan diplomatnya. Para pegawai RELA telah menahannya selama dua jam sehingga pihak kedutaan diplomat tersebut campur tangan dan mengesahkan taraf kelayakannya.

Pada 12 September, Mahkamah Tinggi telah memerintah anggota RELA Mohamad Tahir Osman supaya membayar wang ganti rugi sebanyak RM100,000 (kira-kira \$29,400) kepada seorang wanita yang ditahan semasa serbuan tahun 2003, atas kesalahan mengambil gambar semasa wanita tersebut terpaksa membuang air kecil di dalam trak yang digunakan untuk mengangkut tahanan.

Pihak kerajaan tidak mengeluarkan sebarang maklumat tentang cara yang digunakan untuk menyiasat sebarang aduan terhadap anggota RELA atau tindakan disiplin yang dilaksanakan.

Penangkapan dan Penahanan

Undang-undang membenarkan pihak polis menangkap mana-mana individu atas beberapa kesalahan tertentu tanpa waran dan menahan orang yang disyaki selama 24 jam tanpa sebarang dakwaan. Majistret pula boleh melanjutkan tempoh ini sehingga dua minggu. Walaupun pihak polis biasanya mematuhi peruntukan ini, namun laporan suruhanjaya polis tahun 2005 menyatakan bahawa adakalanya pihak polis akan membebaskan orang yang disyaki, menangkapnya semula sejurus selepas itu, dan kemudian menahannya dalam jajaan siasatan. Undang-undang membenarkan seseorang individu yang ditahan dimakumkan

MALAYSIA

sebab-sebab penahannya oleh pegawai polis yang menahan. Polis mesti memberitahu tahanan bahawa mereka dibenarkan menghubungi ahli keluarga dan merujuk kepada peguam pilihan mereka sendiri.

Pihak polis sering kali tidak membenarkan tahanan mendapatkan khidmat peguam dan menyoal orang yang disyaki tanpa kehadiran peguam. Pihak polis menjustifikasikan amalan ini sebagai sesuatu yang perlu untuk menghalang sebarang gangguan terhadap siasatan yang sedang dijalankan, dan keputusan hakim biasanya menyokong amalan tersebut. Suruhanjaya polis menyatakan bahawa mentaliti “tangkap dulu, siasat kemudian” diamalkan secara meluas di kalangan sesetengah angkatan polis, dan menyarankan agar prosedur penahanan dikaji semula supaya tidak disalahgunakan. Dalam sesetengah keadaan, agensi-agensi pelaksanaan undang-undang tidak segera membenarkan hubungan dengan ahli keluarga.

Undang-undang membenarkan seseorang itu ditahan jika keterangannya sebagai saksi utama adalah penting dalam sesuatu kes jenayah dan terdapat kemungkinan tinggi bahawa dia akan melarikan diri. Ikat jamin lazimnya dibenarkan bagi mereka yang dituduh melakukan jenayah yang tidak dikenakan hukuman penjara seumur hidup atau hukuman mati. Jumlah ikat jamin, dan sama ada ikat jamin dibenarkan ataupun tidak, akan ditentukan atas budi bicara pihak hakim. Apabila ikat jamin dibenarkan, orang yang tertuduh biasanya dikehendaki menyerahkan pasportnya kepada mahkamah.

Masalah kesesakan mahkamah dan kekurangan kakitangan lazimnya mengakibatkan tempoh penahanan sebelum perbicaraan yang terlalu lama, kadang kala berlanjutan sehingga beberapa tahun. Pada bulan Mei, Menteri *de facto* Undang-undang melaporkan bahawa terdapat 903,000 kes sivil yang tertunggak di mahkamah rendah dan lebih 91,000 kes di mahkamah tinggi. Sumber-sumber lain pula melaporkan terdapat kira-kira 10,000 kes jenayah yang tertunggak di mahkamah rendah dan 900 kes di mahkamah tinggi.

Pada bulan September, para pegawai imigresen telah membebaskan Rajeswari, seorang warga Malaysia, daripada PTI Lenggeng selepas ditahan selama 11 bulan. Pihak berkuasa

MALAYSIA

imigresen telah menahan wanita yang mengandung 6-bulan itu kerana disyaki hijrahan Sri Lanka tanpa dokumen apabila dia gagal mengemukakan kad pengenalan (MyKad), tidak ingat nombor MyKad, dan hanya boleh bertutur beberapa patah perkataan bahasa Melayu. Pihak berkuasa didakwa enggan mengesahkan status kewarganegaraannya walaupun dia telah memberikan alamat dan nama sekolah rendah yang pernah disertainya. Undang-undang memerlukan setiap warganegara membawa MyKad mereka pada setiap masa.

Empat undang-undang tahanan pencegahan yang membenarkan pihak kerajaan menahan orang yang disyaki tanpa kajian semula kehakiman biasa atau pemfailan dakwaan secara rasmi termasuk: Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Pencegahan Jenayah), Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) dan Akta Kediaman Terhad.

ISA memberi kuasa kepada pihak polis untuk menangkap tanpa waran dan menahan selama sehingga 60 hari mana-mana individu yang bertindak “dengan cara yang boleh menjejaskan keselamatan negara atau keadaan ekonomi di Malaysia.” Sepanjang tempoh 60 hari pertama penahanan di pusat tahanan khas, peruntukan ISA membenarkan penafian wakil peguam dan tidak memerlukan kes dibicarakan di mahkamah. Menteri Dalam Negeri boleh membenarkan tempoh tahanan ini dilanjutkan sehingga dua tahun, dengan bilangan tanpa had tempoh 2-tahun berikutnya. Secara amalan, pihak kerajaan jarang mengenakan penahanan ISA lebih daripada dua tempoh 2-tahun. Namun, terdapat satu kes di mana pihak kerajaan telah menahan seorang tahanan selama kira-kira tujuh tahun, iaitu tempoh penahanan paling lama. Ada di kalangan tahanan yang telah dibebaskan sebelum tamat tempoh penahanan dikenakan “syarat sekatan.” Syarat-syarat ini menghadkan kebebasan bercakap, kebebasan berserikat, dan kebebasan bergerak di dalam negeri dan ke luar negara.

Walaupun tiada dakwaan formal yang dibuat, namun ISA mensyaratkan supaya pihak berkuasa memaklumkan kepada tahanan tuduhan terhadapnya dan membenarkan mereka membuat rayuan kepada lembaga penasihat bukan perundangan supaya diadakan kajian semula setiap enam bulan. Walau bagaimanapun, keputusan dan saranan lembaga penasihat

MALAYSIA

tidak dapat mempengaruhi keputusan Menteri Dalam Negeri, tidak disiarkan kepada orang awam, dan kerap kali tidak diberitahu kepada tahanan.

Majlis Peguam telah menyeru agar ISA dimansuhkan kerana ISA tidak membenarkan sebarang kajian semula kehakiman dibuat terhadap keputusan ISA di mana-mana mahkamah, kecuali berkaitan isu pamatuhan terhadap keperluan prosedur sahaja.

Pada 16 Julai, pihak berkuasa telah menahan pemimpin pembangkang politik Anwar Ibrahim atas dakwaan liwat secara rela dengan bekas pembantunya dan ditahan semalaman untuk soal siasat. Majlis Peguam dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil yang lain telah membantah terhadap taktik menakut-nakutkan oleh pihak polis dalam usaha mereka cuba menahan Anwar sejam sebelum Anwar dijangka berada di stesen polis bagi menjalani soal siasat sukarela yang dirancangkan. Pada 28 Julai, pihak polis didakwa telah menyoal dan menahan seketika seorang doctor perubatan yang telah mendapati ketiadaan bukti liwat setelah memeriksa si pengadu. Majlis Peguam memperihalkan dakwaan ini sebagai “sangat membimbangkan.” Pada 7 Ogos, pihak pendakwa telah mendakwa Anwar di mahkamah bawah kanun jenayah bagi kesalahan “melakukan seks luar tabii secara rela” yang boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun. Pihak mahkamah membebaskan Anwar atas ikatan jamin dan kes ini masih tertunggak pada hujung tahun.

Walaupun kenyataan rasmi dikeluarkan yang menyatakan bahawa penangkapan dan pendakwaan Anwar bukan bermotifkan politik, namun pegawai-pegawai kanan kerajaan berulang-kali membuat komen umum yang menjejaskan kes. Pegawai-pegawai kerajaan juga menggembar-gemburkan dakwaan tersebut semasa pilihan raya kecil pada akhir bulan Ogos yang menyaksikan kejayaan pemilihan Anwar ke Parlimen. Kumpulan-kumpulan masyarakat sivil, termasuk organisasi-organisasi hak asasi manusia dan tokoh-tokoh Islam antarabangsa telah mengutarakan kebimbangan mereka terhadap motif politik dalam pendakwaan Anwar. Mereka melihat persamaan antara penahanan Anwar pada tahun itu dan penahanan Anwar serta pendakwaannya bagi tuduhan liwat pada tahun 1998 yang kemudian diubah keputusannya selepas rayuan pada tahun 2004.

MALAYSIA

Pada 12 September, pihak polis telah menahan Raja Petra Kamaruddin, seorang pemblog dan pengkritik kerajaan, bawah ISA. Pada 23 September, Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan perintah supaya Raja Petra ditahan selama dua tahun atas alasan penulisan beliau boleh menjejaskan keselamatan negara dengan mewujudkan ketegangan kaum dan menghina Islam. Pada 7 November, Mahkamah Tinggi memutuskan bahawa penahanan Raja Petra tidak mengikut perlembagaan dan pihak hakim telah memerintahkan supaya beliau dibebaskan daripada tahanan ISA. Pihak hakim memutuskan bahawa keputusan Menteri Dalam Negeri berkaitan ISA tidak boleh dibuat “tanpa asas dan secara sewenang-wenangnya” dan ini membenarkan mahkamah mempertimbangkan sama ada perintah tahanan ISA Menteri Dalam Negeri adalah “mengikut akta” berkenaan. Pihak hakim memutuskan bahawa penahanan Raja Petra tidak sah kerana tiada satupun antara dakwaan-dakwaan kesalahannya yang terjatuh dalam skop ISA. Kerajaan telah membuat rayuan atas keputusan itu dan kes rayuan tersebut masih tertunggak pada hujung tahun.

Pada 17 Oktober, polis telah menahan aktivis hak asasi manusia daripada NGO SUARAM, Cheng Lee Whee, selama 19 jam. Polis mendakwa bahawa beliau “menyebarkan maklumat palsu yang boleh menimbulkan rasa takut di kalangan orang ramai” terhadap pihak polis. Cheng mendakwa bahawa pihak polis telah menyalahgunakan kuasa apabila mereka menggunakan penyembur air dan Unit Simpanan Persekutuan (FRU) untuk memaksa keluar penduduk di penempatan rumah setinggan di Kampung Baru Plentong Tengah. Beliau telah disoal dan dibebaskan atas ikat jamin pada hari berikutnya selepas polis gagal mendapatkan perintah tahanan tiga hari daripada mahkamah majistret kerana “tidak cukup bukti.”

Kes rayuan oleh pihak kerajaan terhadap keputusan tahun 2007 Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memerintahkan pembayaran ganti rugi sebanyak RM2.5 juta (kira-kira 735,000) kepada bekas tahanan ISA, Abdul Malek Hussin, atas penahanan dan penyeksaan beliau pada tahun 1998 masih tertunggak pada hujung tahun.

Pada bulan Disember, Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa kira-kira 46 orang masih ditahan bawah ISA. Mengikut sebuah NGO tempatan, 46 tahanan ini termasuk 29 orang yang

MALAYSIA

disyaki terbabit dengan kumpulan pegganas, lima orang aktivis hak sivil kaum India, dan 12 orang yang ditahan atas tuduhan memalsukan dokumen atau kesalahan-kesalahan lain. Mengikut SUARAM, pihak berkuasa belum membuat dakwaan kesalahan jenayah secara rasmi terhadap tahanan-tahanan ini.

Mengikut Ordinan Darurat, Menteri Dalam Negeri boleh mengeluarkan perintah tahanan sehingga dua tahun terhadap mana-mana individu sekiranya beliau merasakan ini perlu demi memelihara ketenteraman awam, “menghindar keganasan, atau mencegah jenayah yang melibatkan keganasan.” Sebuah NGO tempatan melaporkan terdapat lebih 1,000 orang yang ditahan bawah Ordinan Darurat dan langkah-langkah pencegahan yang lain. Pihak berkuasa menggunakan Ordinan Darurat terhadap mereka yang disyaki sebagai penjenayah terancang.

Peruntukan Akta Dadah Berbahaya memberi kuasa yang khusus kepada kerajaan untuk menahan para pengedar dadah yang disyaki tanpa perbicaraan sehingga 39 hari sebelum Menteri Dalam Negeri diperlukan mengeluarkan perintah tahanan. Sebaik sahaja Kementerian Dalam Negeri mengeluarkan perintah tahanan tersebut, tahanan berhak mendapat pembicaraan di mahkamah yang mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah pembebasan tahanan. Pihak berkuasa boleh menahan orang yang disyaki tanpa didakwa selama beberapa tempoh 2-tahun secara berturut-turut dengan kajian semula dibuat oleh sebuah lembaga penasihat. Saranan oleh lembaga penasihat ini boleh mempengaruhi keputusan Menteri. Walau bagaimanapun, proses kajian semula ini tidak mengandungi sebarang hak prosedur yang lazimnya diberikan kepada defendan dalam prosiding mahkamah. Pihak polis kerap menahan pengedar dadah yang disyaki bawah akta ini setelah mahkamah membebaskan mereka daripada dakwaan rasmi. Menurut Agensi Antidadah Kebangsaan, pihak kerajaan menahan 803 orang bawah peruntukan tahanan pencegahan akta ini semasa tempoh lapan bulan pertama tahun ini berbanding 798 orang yang ditahan sepanjang tahun 2007.

Akta Kediaman Terhad membenarkan Menteri Dalam Negeri meletakkan mana-mana individu bawah kediaman terhad yang terletak jauh dari rumah mereka. Individu-individu ini

MALAYSIA

tidak dibenarkan meninggalkan daerah kediaman yang telah ditetapkan dan mereka perlu melaporkan diri kepada pihak polis setiap hari. Seperti ISA, pihak berkuasa boleh melanjutkan tempoh kediaman terhadap ini setiap dua tahun. Pihak Menteri diberi kuasa untuk mengeluarkan perintah kediaman terhadap tanpa sebarang pembicaraan kehakiman atau pentadbiran. Kerajaan terus mewajarkan akta tersebut sebagai cara yang perlu untuk menyingkirkan orang yang disyaki dari tempat di mana kegiatan yang tidak diinginkan dijalankan.

e. Penafian Perbicaraan Awam Yang Adil

Tiga perkara dalam perlembagaan menyediakan peruntukan bagi pewujudan badan kehakiman bebas. Walau bagaimanapun, peruntukan perlembagaan yang lain, undang-undang yang menyekat kajian semula oleh badan kehakiman, dan faktor-faktor lain, menghadkan kebebasan badan kehakiman di samping memperkasa pengaruh badan eksekutif terhadap badan kehakiman.

Perlembagaan tidak secara langsung memberi kuasa penghakiman di mahkamah tetapi memperuntukkan bahawa parlimen yang memberi kuasa tersebut. Perlembagaan juga memberi kuasa kehakiman yang tertentu kepada Peguam Negara, termasuk kuasa untuk mengarahkan pihak mahkamah tentang kes-kes apa yang perlu dibicarakan, kuasa untuk memilih tempat perbicaraan, dan hak untuk menghentikan sesuatu kes perbicaraan. Peguam Negara mengawal dan mengarah segala pendakwaan kes jenayah dan memikul tanggungjawab atas tugas dan pemindahan kehakiman. Hakim-hakim mahkamah majistret dan mahkamah sesi melapor kepada pejabat Peguam Negara. Saranan daripada Perdana Menteri akan menentukan pelantikan hakim kanan, tertakluk kepada persetujuan Majlis Raja-Raja, iaitu para pemerintah Melayu tradisi di kesembilan buah negeri.

Ahli-ahli badan peguam, wakil-wakil NGO, dan para pemerhati lain telah melahirkan kebimbangan mereka tentang batasan-batasan yang ketara terhadap kebebasan badan kehakiman, dan mengemukakan beberapa contoh kes terkemuka yang melibatkan keputusan yang dibuat secara sewenang-wenang, pendakwaan yang bersifat memilih, dan layanan

MALAYSIA

utama yang diberikan kepada sesetengah litigan dan peguam.

Pada 9 Mei, Suruhanjaya DiRaja, yang dibentuk untuk menyiasat pita video pada tahun 2002 yang dikatakan mengandungi rakaman perbualan seorang peguam kanan sedang membincangkan pemberian kes-kes tertentu kepada hakim-hakim “pihak kawan” dengan seorang hakim kanan, telah mengeluarkan pendapat dan mendapati bahawa bekas Perdana Menteri Mahathir, Setiausaha Agung Tengku Adnan, dan bekas Hakim Negara Eusoff Chin, antaranya yang terlibat dalam memanipulasikan perlantikan kehakiman dan bersalah dalam mempengaruhi kenaikan pangkat hakim-hakim. Pada 22 Mei, Peguam Negara telah mengumumkan bahawa pejabatnya akan menyiasat dakwaan-dakwaan tersebut tetapi sehingga hujung tahun masih tiada kemajuan yang diperolehi daripada siasatan tersebut.

Mahkamah Sesi membicarakan saman sivil dan kes jenayah yang kecil. Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa asal atas segala kes jenayah yang melibatkan jenayah berat. Mahkamah Juvenil membicarakan pesalah yang berusia 18 tahun ke bawah. Mahkamah Khas membicarakan kes-kes yang melibatkan raja dan sultan. Mahkamah Rayuan pula mempunyai bidang kuasa rayuan ke atas keputusan Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesi. Mahkamah Persekutuan, iaitu mahkamah tertinggi di negara ini, mengkaji semula keputusan-keputusan Mahkamah Rayuan.

Kaum pribumi di Sabah dan Sarawak mengamalkan sistem undang-undang adat bagi menyelesaikan masalah seperti pertikaian tanah antara suku. Walaupun jarang berlaku, namun Mahkamah Penghulu boleh mengadili hal-hal sivil yang kecil.

Masyarakat Islam yang sebahagian besarnya terdiri daripada kaum Melayu tertakluk kepada undang-undang Syariah yang ditadbir oleh kerajaan negeri menerusi Mahkamah Syariah. Undang-undang tersebut serta tahap penguatkuasaannya berbeza-beza dari sebuah negeri ke sebuah negeri yang lain.

Angkatan bersenjata mempunyai sistem mahkamah yang berasingan.

MALAYSIA

Prosedur Perbicaraan

English Common Law adalah asas sistem perundangan sekular di negara ini. Perlembagaan menyatakan bahawa setiap orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak mendapatkan perlindungan undang-undang secara saksama. Perbicaraan adalah terbuka kepada orang awam, walaupun hakim boleh memerintahkan sekatan kepada liputan akhbar. Juri tidak digunakan. Defendan berhak mendapatkan khidmat peguam atas pembiayaan awam jika diminta oleh si tertuduh yang menghadapi dakwaan jenayah berat. Cara-cara penggunaan bukti secara ketat dipakai di mahkamah. Defendan boleh membuat kenyataan bertulis kepada agensi penyiasatan sebelum perbicaraan dimulakan. Penemuan pra-perbicaraan yang terhad dalam kes jenayah menghalang kemampuan si defendan untuk membela diri. Defendan diberi peluang untuk berdepan dengan saksi-saksi yang menentang serta memperkenalkan saksi-saksi serta bukti-bukti bagi pihaknya, walaupun pihak hakim adakalanya tidak membenarkan testimoni saksi. Bukti-bukti yang disimpan oleh pihak kerajaan jarang disediakan. Peguam-peguam perlu membuat permohonan untuk mendapatkan perintah mahkamah untuk mendapatkan dokumen-dokumen yang berada di bawah Akta Rahsia Rasmi. Seseorang defendan dianggap tidak bersalah sehingga terbukti dia bersalah dan boleh merayu kepada keputusan mahkamah di mahkamah yang lebih tinggi. Dalam beberapa keadaan tertentu, undang-undang mengehadkan hak seseorang defendan untuk membuat rayuan. Pihak kerajaan menyatakan bahawa had yang dikenakan dapat mempercepatkan perbicaraan di mahkamah peringkat tinggi, tetapi Majlis Peguam menganggap had-had membentuk sekatan yang berlebihan terhadap kes rayuan.

Bagi kes senjata api dan sesetengah kes keselamatan negara, piawaian yang lebih rendah dalam menerima kenyataan defendan yang boleh membabitkan kesalahan diri sebagai bahan bukti, dikuatkuasakan. Peraturan juga membenarkan pihak berkuasa menahan si tertuduh selama satu tempoh yang tidak ditentukan sebelum membuat dakwaan rasmi.

Bagi kes jenayah, pihak polis kadang kala menggunakan taktik yang menjejaskan hak asasi defendan. Senagai contoh, polis menjalankan serbuan dan perampasan dokumen untuk tujuan mengganggu defendan.

MALAYSIA

Mahkamah Syariah selalu tidak berlaku adil semasa mendengar testimoni yang diberikan oleh pihak wanita. Kebanyakan NGO mengadu bahawa kaum wanita tidak mendapat layanan yang sama rata di Mahkamah Syariah, terutamanya dalam hal berkaitan perceraian dan hak penjagaan anak.

Banduan dan Tahanan Politik

Pihak kerajaan terus menahan lima banduan politik pada hujung tahun atas alasan bahawa mereka mengancam keselamatan negara. Keluarga dan para peguam banduan tersebut diberi kebebasan untuk melawat mereka. Pihak kerajaan telah menahan seorang Ahli Parlimen pihak pembangkang selama satu minggu.

P. Uthayakumar, M. Manoharan, R. Kenghadharan, Ganabatirau, dan T. Vasantha Kumar yang merupakan para pemimpin Angkatan Tindakan Hak-hak Hindu (HINDRAF) masih berada di dalam tahanan ISA pada hujung tahun kerana menganjurkan bantahan terhadap dakwaan penyisihan kaum India pada tahun 2007. Walaupun berada di dalam tahanan, Manoharan telah dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri Selangor.

Pada 12 September, polis telah menahan Ahli Parlimen Teresa Kok, seorang menteri kabinet kanan Negeri Selangor dan ahli kanan Parti Tindakan Demokratik, di bawah ISA kerana “menimbulkan ketegangan dan konflik antara kaum.” Pegawai polis mengatakan bahawa Kok telah menimbulkan ketegangan agama melalui pengeluaran petisyen untuk memperlahankan pembesar suara di masjid sewaktu azan; membuat kenyataan bahawa 30 peratus daripada peruntukan kewangan Jabatan Agama Negeri Selangor diberikan kepada kumpulan-kumpulan agama yang lain; dan membantah terhadap penggunaan Jawi, iaitu bahasa Melayu yang ditulis di dalam tulisan bahasa Arab pada tanda-tanda jalan. Sebelum penahanannya, akhbar bahasa Malaysia milik UMNO, iaitu Utusan, telah menjalankan kempen selama dua minggu terhadap beliau dengan menimbulkan dakwaan-dakwaan tersebut. Beliau adalah Ahli Parlimen wanita pertama dan ahli politik paling kanan ditahan di bawah ISA sejak 1998. Semasa beliau dibebaskan, Ketua Polis Negara Ismail Omar menyatakan bahawa “susulan siasatan yang dilakukan, pihak polis tidak mempunyai

MALAYSIA

sebarang sebab untuk terus menahan beliau.” Seterusnya, Utusan telah menyiarkan satu artikel fiksyen pada bulan Oktober yang membenarkan pembunuhan seorang ahli politik wanita yang menyokong dasar-dasar anti-Melayu. Teresa Kok telah mengemukakan tuntutan mahkamah terhadap akhbar tersebut pada bulan Disember dengan mengatakan bahawa artikel tersebut merupakan kempen memburuk-burukkan nama beliau dan boleh membahayakan nyawanya.

Prosedur dan Remedi Kehakiman Sivil

Struktur kehakiman sivil adalah sama dengan mahkamah jenayah. Kes tertunggak yang terlalu banyak kerap kali mengakibatkan kelewatan pihak mahkamah memperuntukan perintah bagi plaintif sivil. Kerajaan dan para pegawai kerajaan boleh didakwa di mahkamah atas kesalahan mencabuli hak asasi manusia.

- f. Gangguan Sewenang-wenang Terhadap Privasi, Keluarga, Tempat Kediaman, atau Surat-menyurat

Pelbagai undang-undang melarang gangguan sewenang-wenang terhadap hak privasi. Namun begitu, terdapat beberapa kes di mana pihak berkuasa telah mencabuli hak privasi rakyat. Peruntukan yang terdapat dalam undang-undang keselamatan membenarkan pihak polis memasuki dan menggeledah tanpa waran rumah orang yang disyaki mengancam keselamatan negara. Kebenaran ini juga membenarkan pihak polis merampas bahan bukti. Polis menggunakan kuasa undang-undang ini untuk menggeledah rumah dan pejabat; merampas komputer, buku, dan dokumen; memantau perbualan; dan menangkap seseorang tanpa waran. Pihak kerajaan mengawasi e-mel yang dihantar ke laman-laman blog Internet dan mengancam akan menahan sesiapa yang menghantar bahan melalui Internet yang dianggap oleh kerajaan sebagai mengancam ketenteraman atau keselamatan awam.

Garis panduan Jabatan Kemajuan Islam Persekutuan (JAKIM) memberi kuasa kepada para pegawai JAKIM untuk memasuki premis-premis persendirian tanpa waran jika mereka berpendapat bahawa tindakan pantas perlu dilakukan untuk menyerbu premis-premis yang disyaki ada orang Islam melakukan kesalahan seperti berjudi, minum arak, dan melakukan

MALAYSIA

seks luar nikah.

Dalam siasatan rasuah, selepas pegawai kanan polis yang terlibat dalam penyiasatan mengemukakan permohonan bertulis, undang-undang memberi kuasa kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk mengizinkan pemintasan mesej yang dihantar atau diterima oleh orang yang disyaki. Maklumat yang diperolehi dengan cara begini boleh diterima sebagai bukti dalam perbicaraan kes rasuah. Pasukan keselamatan mempunyai bidang kuasa yang luas untuk memasang alat-alat perisikan secara tersembunyi di tempat persendirian. Tambahan, Pendakwa Raya boleh memberi kuasa kepada pihak polis untuk memintas mesej yang dihantar melalui pos dan rangkaian telekomunikasi jika pihak pendakwa berpendapat bahawa mesej ini berkemungkinan mengandungi maklumat berkaitan jenayah pengganas. Maklumat yang dipintas secara begini boleh diterima pakai di mahkamah.

Undang-undang membenarkan Menteri Dalam Negeri meletakkan penjenayah di bawah kediaman terhad di daerah terpencil, jauh dari rumah kediaman asal mereka selama dua tahun.

Kerajaan mengharamkan keahlian di dalam mana-mana parti politik dan organisasi yang tidak berdaftar.

Beberapa isu keagamaan menjadi penghalang utama kepada perkahwinan di antara orang-orang yang beragama Islam dengan penganut-penganut agama lain.

Bahagian 2 Menghormati Kebebasan Awam, Termasuk:

a. Kebebasan Bercakap dan Kebebasan Akhbar

Perlembagaan memperuntukan kebebasan bercakap dan kebebasan akhbar. Namun begitu, sebenarnya pihak kerajaan menghadkan kebebasan menyuarakan pendapat dan menakutkan wartawan supaya mereka secara tidak langsung akan melakukan sekatan sendiri. Menurut kerajaan, sekatan yang dikenakan terhadap pihak media bertujuan memelihara keselamatan negara, ketenteraman awam, dan hubungan baik dengan negara-negara lain.

MALAYSIA

Undang-undang yang mempunyai batasan “demi keselamatan atau ketenteraman awam” boleh menyekat kebebasan untuk bersuara. Misalnya, Akta Hasutan melarang ulasan awam terhadap isu-isu yang dianggap sensitif seperti soal perkauman dan keagamaan. Kerajaan menggunakan ISA, Akta Hasutan, Akta Rahsia Rasmi, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, undang-undang fitnah jenayah, dan undang-undang lain untuk menyekat atau mencegah penyampaian ucapan politik. Namun begitu, individu-individu kerap mengkritik pihak kerajaan, baik secara terbuka atau sebaliknya. Walaubagaimanapun, pihak kerajaan sekali sekala akan bertindak balas terhadap mereka yang mengkritiknya.

Tambahan pula, undang-undang pilihan raya akan memastikan tindakan ke atas mana-mana calon pilihan raya yang “menyemarakkan perasaan benci, rasa tidak puas hati, atau permusuhan.” Pesalah boleh dibatalkan kelayakan untuk bertanding.

Pihak kerajaan menyekat pihak media, baik secara langsung atau tidak langsung, melalui Akta Mesin Cetak dan Penerbitan yang mewajibkan pihak penerbitan tempatan dan asing memohon permit daripada kerajaan pada setiap tahun. Akta ini menganggap penerbitan “berita yang berniat jahat” sebagai satu kesalahan yang boleh dihukum dan memberi kuasa kepada Menteri Dalam Negeri untuk mengharam atau menyekat sebarang penerbitan yang dianggap boleh mengancam ketenteraman awam, moral atau keselamatan negara. Akta ini juga melarang mahkamah daripada membantah penggantungan atau pembatalan permit penerbitan. Menurut kerajaan, peruntukan ini memastikan bahawa pihak media tidak akan menyebarkan "berita yang diputarbelit" dan ini perlu untuk menjaga keharmonian serta menggalakkan kehidupan yang aman di negara berbilang bangsa. Pada tahun ini, pihak Kementerian terus mengkaji, menapis, dan merampas banyak penerbitan luar negeri. Pada bulan Februari, SUARAM telah menyenaraikan 57 buah buku yang diharamkan oleh pihak kerajaan. Antara buku-buku yang diharamkan ialah buku berbahasa Tamil yang bertajuk *March 8*, yang membincangkan pergaduhan diantara orang Melayu dengan orang India di Kampung Medan pada tahun 2001. Pada bulan Ogos, Kementerian Dalam Negeri telah mengharamkan buku terbitan sebuah NGO tempatan yang bertajuk *Muslim Women and the*

MALAYSIA

Challenge of Extremism kerana buku tersebut dikatakan “mengandungi fakta yang diputarbelitkan tentang Islam dan boleh menggugat iman umat Islam.”

Parti campuran yang memerintah mengawal sebahagian besar saham dalam dua daripada tiga buah akhbar utama bahasa Inggeris dan kesemua akhbar bahasa Melayu. Ahli-ahli perniagaan yang mempunyai hubungan rapat dengan kerajaan serta parti-parti yang memerintah memiliki akhbar bahasa Inggeris yang ketiga paling utama dan keempat-empat akhbar bahasa Cina.

Wartawan-wartawan kerap ditahan, diganggu, dan ditakut-takutkan atas liputan yang dilaporkan. Misalnya, Tan Hoon Cheng, seorang wartawan akhbar bahasa Cina, Sin Chew, telah melaporkan ucapan yang disampaikan oleh Ahmad Ismail, seorang pemimpin parti UMNO tempatan. Dalam ucapan tersebut, beliau telah menyifatkan orang Cina di Malaysia sebagai “setinggalan” dan “pendatang.” Reaksi rakyat, termasuk ugutan Persatuan Cina Malaysia untuk keluar daripada Barisan Nasional, telah memaksa pihak kerajaan untuk membebaskannya dalam tempoh 18 jam selepas penahanannya.

Kesalahan fitnah boleh dijatuhkan hukuman penjara sehingga dua tahun, denda, atau kedua-duanya sekali. Peruntukan ini serta kuasa kerajaan berkaitan pembaharuan lesen tahunan dan dasar-dasar lain telah menyekat kebebasan atau siasatan wartawan sehingga laporan yang dikeluarkan adalah bersifat terlalu berhati-hati. Namun, akhbar bahasa Inggeris, Melayu dan Cina adakalanya memberi pandangan alternatif yang seimbang tentang isu-isu yang sensitif. Selepas pilihan raya bulan Mac, media-media utama telah meluaskan liputan terhadap pandangan pembangkang dan bilangan artikel yang mengkritik dasar-dasar kerajaan. Pihak media juga mengemukakan soalan-soalan yang semakin sukar berkaitan isu-isu dasar kepada para pegawai kerajaan berbanding sebelum pilihan raya.

Pada 24 November, Pihak Mahkamah Tinggi telah membebaskan Irene Fernandez, seorang aktivis hak asasi manusia, daripada sabitan yang dikenakan ke atas beliau pada tahun 2003 atas kesalahan “mengeluarkan berita palsu” dalam satu memorandum kepada pihak wartawan dan kerajaan tentang penganiayaan, penahanan, dan layanan terhadap pekerja-pekerja asing

MALAYSIA

di PTI pada tahun 1995.

Pihak kerajaan terus menapis media dengan mengawal kandungan berita, mengenakan pembaharuan tahunan bagi permit-permit penerbitan, dan mengehadkan edaran penerbitan kepada ahli-ahli organisasi sahaja. Pihak-pihak pencetak biasanya enggan mencetak sebarang penerbitan yang mengandungi unsur kritik terhadap kerajaan kerana takut dikenakan tindakan balas. Namun demikian, bahan-bahan penerbitan daripada parti pembangkang, kumpulan tindakan sosial, kesatuan, dan kumpulan persendirian yang lain giat membuat liputan berita tentang parti pembangkang dan sering kali menerbitkan pandangan yang mengkritik dasar-dasar kerajaan.

Stesen radio dan televisyen juga mengalami sekatan sebagaimana media cetak dan hampir kesemuanya menyokong pihak kerajaan. Berita tentang parti pembangkang dikawal ketat dan dilaporkan secara berat sebelah. Para pemimpin parti pembangkang mendakwa pihak media aliran memberi liputan yang sedikit kepada calon pembangkang, laporan yang sangat negatif tentang tokoh-tokoh kanan parti pembangkang, dan liputan yang meluas bagi calon parti pemerintah semasa pilihan raya kebangsaan.

Televisyen Internet tidak menghadapi sekatan yang sedemikian dan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) terus menyiarkan televisyen Internet pada setiap hari.

Stesen-stesen televisyen menapis siaran masing-masing selaras dengan garis panduan kerajaan. Kerajaan telah mengharamkan beberapa buah akhbar dan majalah asing, dan kadang kala menapis majalah dan akhbar asing, biasanya kerana mengandungi unsur-unsur seks. Kerajaan mempunyai “senarai hitam” yang menyenaraikan nama-nama penghibur, ahli-ahli politik, dan para pemimpin agama tempatan dan luar negara yang tidak dibenarkan muncul dalam siaran televisyen atau radio.

Pihak kerajaan umumnya akan menyekat komen atau penerbitan, termasuk buku, jika dianggap boleh menjejaskan keharmonian antara kaum atau agama.

MALAYSIA

Kebebasan BerInternet

Walaupun tiada sekatan yang dikenakan terhadap capaian Internet oleh kerajaan, namun pada tahun ini pihak kerajaan telah menghalang capaian kepada beberapa buah laman web dan menahan beberapa pemblog terkemuka kerana menerbitkan komen-komen yang mengkritik kerajaan. Capaian Internet boleh didapati dengan meluas kecuali di Malaysia Timur di mana Internet biasanya tidak mudah didapati di luar kawasan pusat bandar. Langganan Internet berjumlah kira-kira 14.9 juta pada hujung bulan Jun 2007.

Undang-undang fitnah dan tahanan pencegahan telah menyebabkan berlakunya penapisan sendiri oleh beberapa sumber kandungan Internet tempatan seperti penulis blog, penyedia berita Internet, dan para aktivis NGO.

Raja Petra dan Syed Azidi Syed Aziz merupakan individu-individu pertama yang didakwa di bawah Akta Fitnah 1948 bagi kesalahan penerbitan Internet.

Pada 6 Mei, pihak polis telah menahan Raja Petra di atas kesalahan memfitnah. Pada 17 Julai, pihak berkuasa telah mendakwa Raja Petra di atas tiga kesalahan jenayah fitnah berkaitan penerbitan akuan berkanun yang mengaitkan Timbalan Perdana Menteri dengan pembunuhan Altantuya Shaaribu pada tahun 2006 di laman webnya. Pihak mahkamah telah membebaskan Raja Petra dengan ikat jamin sebanyak RM10,000 (kira-kira \$2,940).

Berikutnya, Raja Petra telah menerbitkan satu akuan berkanun kononnya dari seorang doktor yang memeriksa serta mengeluarkan laporan perubatan berkaitan kes liwat Anwar Ibrahim yang masih berjalan ketika itu. Pada 23 Ogos, pihak polis telah membuat serbuan di rumah Raja Petra dan merampas komputer serta bahan-bahan lain. Pada 27 Ogos hingga 11 September, pihak kerajaan telah menyekat capaian ke laman web Raja Petra, *Malaysia Today*.

Pada 11 September, Menteri Tenaga, Air, dan Komunikasi mengumumkan bahawa pihak kerajaan tidak akan menyekat capaian ke mana-mana laman web atau blog di negara ini,

MALAYSIA

termasuk *Malaysia Today*. Menteri tersebut menyatakan bahawa terdapat undang-undang lain yang “lebih ketat” di negara ini, termasuk ISA, yang boleh digunakan untuk “mengawal penyebaran maklumat yang tidak bertanggungjawab di Internet dan menahan laman-laman web dan blog yang tidak bertanggungjawab.”

Pada 19 September, pemblog Syed Azidi Syed Aziz, juga dikenali sebagai “Kickdafella” telah ditahan di bawah Akta Fitnah kerana menerbitkan kenyataan-kenyataan fitnah di laman web beliau, termasuk menggesa orang ramai supaya mengibarkan bendera kebangsaan secara terbalik sebagai tanda bantahan terhadap beberapa dasar kerajaan. Pihak polis telah membebaskan beliau tiga hari kemudian.

Akta Komunikasi dan Multimedia mensyaratkan supaya penyedia khidmat Internet dan rangkaian tertentu mendapatkan lesen. Sebelum ini, kerajaan telah menyatakan bahawa kerajaan tidak berniat untuk mengenakan kawalan terhadap penggunaan Internet tetapi akan menghukum “penyalahgunaan” teknologi maklumat. Akta ini membenarkan hukuman dikenakan terhadap pemilik sesebuah laman web atau blog kerana membenarkan penerbitan kandungan yang bersifat perkauman, keagamaan atau politik yang dianggap oleh mahkamah sebagai fitnah.

Pada 23 September, pihak polis telah memanggil Whee Meng Chee, seorang pelajar rakyat Malaysia yang sedang mengikuti kajian di luar negara, ke ibu pejabat jenayah komersil untuk disoal kerana menerbitkan sebuah rakaman video di YouTube yang mempersendakan lagu kebangsaan. Beliau telah dibebaskan pada hari yang sama dan pihak polis masih meneruskan siasatan sehingga hujung tahun.

Kebebasan Akademik dan Acara Kebudayaan

Kerajaan mengenakan beberapa sekatan terhadap kebebasan berakademik, terutamanya yang melibatkan pandangan politik yang tidak dibenarkan, dan mengenakan sekatan terhadap para guru dan pelajar yang menyuarakan pandangan yang menentang. Pihak kerajaan masih mensyaratkan agar semua kakitangan kerajaan, fakulti universiti, dan para pelajar supaya

MALAYSIA

menandatangani ikrar kesetiaan kepada Yang DiPertuan Agung dan kerajaan. Para pemimpin pembangkang dan pejuang hak asasi mendakwa bahawa kerajaan telah menggunakan ikrar kesetiaan ini untuk mengekang kegiatan politik di kalangan kakitangan awam, ahli-ahli akademik, dan para-pelajar.

Namun ahli-ahli fakulti kadang kala mengkritik kerajaan secara terang-terangan, jelas sekali bahawa ahli-ahli akademik di universiti awam mengamalkan sikap berhati-hati memandangkan kemajuan kerjaya dan pembiayaan masing-masing bergantung kepada kerajaan. Ahli-ahli akademik di institusi swasta juga mengamalkan sikap berhati-hati kerana bimbang lesen institusi mereka akan dibatalkan oleh kerajaan. Undang-undang juga mengenakan sekatan terhadap persatuan-persatuan pelajar dan kegiatan-kegiatan politik di kalangan pelajar dan fakulti.

Pihak kerajaan telah melarang para pelajar untuk tidak terlibat di dalam politik dan menggunakan gesaan ini sebagai alasan untuk melarang parti-parti politik daripada mendekati persatuan-persatuan pelajar. Menurut pemimpin-pemimpin pelajar, pihak berkuasa akademik pernah membuang atau mendenda pelajar-pelajar yang menandatangani petisyen antikerajaan. Pihak berkuasa sekolah tidak melarang penyebaran pandangan kerajaan tentang isu-isu kontroversi di kampus-kampus universiti.

Pihak kerajaan juga akan menapis dan mengharamkan filem-filem yang mengandungi unsur-unsur lucah, adegan bogel, seks, keganasan, dan sesetengah kandungan politik dan keagamaan. Antara filem-filem yang diharamkan pada tahun ini ialah *Fitna* yang dianggap oleh pihak kerajaan sebagai menghina Islam.

Sayap pemuda PAS membuat bantahan terhadap para penyanyi dan kumpulan-kumpulan yang dianggap lucah dan tidak bercirikan nilai-nilai Islam. Pihak kerajaan telah mengambil tindakan dengan membatalkan atau meletakkan syarat-syarat untuk persembahan bagi sesetengah penghibur dari luar negara. Pada 2 September, kerajaan negeri Kedah yang dipimpin oleh PAS telah mengeluarkan arahan yang menetapkan bahawa kerajaan akan

MALAYSIA

mengeluarkan lesen-lesen hiburan kepada artis-artis wanita bagi konsert-konsert yang penontonnya terdiri daripada golongan wanita sahaja. Kerajaan negeri juga mengenakan pengharaman menyeluruh kepada konsert-konsert *rock, reggae, pop*, dan dangdut (gaya musik Indonesia) yang dikatakan mengandungi “kesan negatif” terhadap golongan muda mudi.

b. Kebebasan Berhimpun Secara Aman dan Kebebasan Berpersatuan

Kebebasan Berhimpun

Perlembagaan menyatakan bahawa semua rakyat mempunyai “hak untuk berhimpun secara aman tanpa senjata”, namun kerajaan telah mengenakan sekatan terhadap hak ini melalui penggunaan Ordinan Ketenteraman Awam dan Akta Polis. Ordinan Ketenteraman Awam menghadkan perhimpunan awam yang boleh menggugat keselamatan dan ketenteraman awam, manakala Akta Polis mewajibkan permit polis diperolehi sebelum perhimpunan awam dirancang kecuali para pekerja yang berpiket. Akta Polis mentakrifkan perhimpunan awam sebagai satu perhimpunan yang terdiri daripada lima orang atau lebih.

Keputusan untuk mengeluarkan permit terserah kepada Ketua Polis Daerah.

Walaupun, para pegawai kanan polis dan pemimpin-pemimpin politik pernah mempengaruhi pemberian atau penolakan sesetengah permit. Pihak polis selalu mengeluarkan permit kepada penyokong kerajaan dan parti perikatan, tetapi menggunakan kaedah yang lebih ketat terhadap pengkritik kerajaan, parti pembangkang, NGO, dan para pejuang hak asasi manusia.

Pada 9 November, pihak polis telah menahan 23 individu semasa perhimpunan yang diadakan untuk memperingati ulang tahun pertama bantahan HINDRAF 2007 kerana kumpulan tersebut tidak mendapatkan permit. Antara yang ditahan termasuk seorang Ahli Parlimen, ahli-ahli undangan negeri, dan para wartawan. Para peserta mendakwa bahawa pihak polis telah menggunakan kekerasan semasa membuat penahanan.

MALAYSIA

Pada 23 November, sembilan orang telah ditahan di atas kesalahan mengadakan perhimpunan haram berkaitan perhimpunan anti-ISA yang dianjurkan oleh Pergerakan Memansuhkan ISA. Tujuh individu telah ditahan semasa perhimpunan tersebut dan dua orang lagi, iaitu Ahli Parlimen pembangkang Salahuddin Ayub dan Timbalan Presiden Mohamad Sabu, telah ditahan di stesen polis semasa melawat tujuh orang yang diberkas sebelum itu.

Pada hujung tahun, kes-kes untuk 31 orang penunjuk perasaan HINDRAF, sembilan orang yang ditahan kerana menyertai perhimpunan Hari Hak Asasi Manusia 2007, dan 17 ahli Gabungan bagi Pilihan Raya Bersih dan Adil masih tertunggak.

Kebebasan Berpersatuan

Perlembagaan memperuntukan kebebasan untuk berpersatuan, tetapi kerajaan mengenakan syarat yang ketat terhadap hak ini dan beberapa statut mengehadkan kebebasan ini. Akta Pertubuhan, membenarkan pertubuhan berdaftar yang dianggotai tujuh orang ahli atau lebih sahaja boleh berfungsi sebagai persatuan. Pihak kerajaan kadang kala enggan mendaftarkan sesebuah pertubuhan atau mengenakan syarat bila membenarkan pertubuhan itu didaftarkan. Pihak kerajaan telah mengharamkan pendaftaran Parti Komunis dan organisasi-organisasi berkaitannya kerana dianggap sebagai mengancam keselamatan negara. Pada 19 Ogos, pihak kerajaan telah meluluskan pendaftaran Parti Sosialis Malaysia yang telah disekat sejak tahun 1999. Pihak kerajaan mempunyai kuasa untuk membatalkan pendaftaran pertubuhan sedia ke atas kesalahan mencabuli akta. Tidak seperti tahun-tahun sebelumnya, pihak kerajaan tidak menggunakan kuasa ini terhadap mana-mana pihak politik pembangkang pada tahun ini.

Beberapa organisasi masyarakat sivil dan hak asasi manusia menyatakan bahawa mereka sukar mendapatkan pengiktirafan sebagai badan NGO daripada pihak kerajaan. Oleh itu, sesetengah NGO didaftarkan sebagai syarikat dan ini telah menimbulkan masalah undang-undang serta birokrasi dari segi pungutan derma bagi membiayai aktiviti organisasi. Sesetengah NGO juga melaporkan bahawa pihak kerajaan memantau aktiviti-aktiviti mereka.

MALAYSIA

Pada 15 Oktober, Menteri Dalam Negeri mengisytiharkan HINDRAF sebagai satu organisasi yang tidak sah yang digunakan bagi tujuan yang menyalahi undang-undang serta boleh mengancam ketenteraman awam dan moral. Pada 23 Oktober, pihak polis telah menahan 10 orang apabila mereka cuba menghantar sepucuk surat di Pejabat Perdana Menteri untuk menggesa pembebasan mereka yang ditahan di bawah ISA. Seorang kanak-kanak berumur enam tahun telah berada semalaman di balai polis apabila ibunya yang ditahan enggan menerima ikat jamin. Pihak kerajaan mendakwa bahawa 10 orang yang ditahan itu telah terlibat dalam perhimpunan haram berdekatan sebuah bangunan kerajaan. Kesemuanya dibebaskan pada keesokan harinya.

Akta Universiti dan Kolej Universiti juga menyekat kebebasan berpersatuan. Akta ini memberi mandat kepada pihak universiti untuk meluluskan persatuan pelajar dan melarang persatuan-persatuan pelajar dan ahli fakulti daripada melibatkan diri dalam kegiatan politik. Ramai pelajar, NGO dan parti politik pembangkang mendesak agar akta tersebut dimansuhkan atau dipinda. Beberapa pertubuhan dan ahli politik pemerintah juga menyokong agar akta tersebut dikaji semula, namun kerajaan tetap menyatakan bahawa akta ini masih diperlukan. Pada bulan Disember, Parlimen telah meminda akta tersebut untuk membenarkan para pelajar menjadi ahli organisasi di luar universiti.

c. Kebebasan Beragama

Perlembagaan memperuntukan kebebasan beragama. Namun demikian, perlembagaan dan pihak kerajaan meletakkan beberapa sekatan terhadap hak ini. Perlembagaan mentakrifkan orang Melayu sebagai orang Islam dan menetapkan bahawa Islam adalah agama rasmi. Kerajaan menghadkan amalan-amalan kepercayaan Islam yang lain selain mazhab Sunni. Perkara 11 dalam perlembagaan menyatakan bahawa, “Setiap orang mempunyai hak untuk menganut dan mengamalkan agama masing-masing,” tetapi perkara tersebut juga memberi kuasa kepada pihak kerajaan negeri dan persekutuan untuk “mengawal atau menghadkan penyebaran sebarang doktrin agama lain atau kepercayaan di kalangan penganut agama Islam.”

MALAYSIA

Mahkamah sivil masih menyerah kuasa kepada Mahkamah Syariah berkaitan kes-kes penukaran agama daripada agama Islam kepada agama lain dan beberapa bidang undang-undang keluarga yang melibatkan pertikaian antara orang Islam dan orang bukan Islam. Mahkamah Syariah mengeluarkan perintah mewajibkan orang Islam yang berniat untuk menukar agama kepada agama lain supaya mengikuti kelas pemulihan agama.

Orang bukan Islam yang membentuk kira-kira 40 peratus daripada jumlah penduduk dan terdiri daripada penganut agama-agama Buddha, Kristian, Hindu dan Sikh, bebas mengamalkan kepercayaan agama masing-masing tanpa banyak sekatan. Mengikut pihak kerajaan, sebanyak RM428 juta (kira-kira \$125.9 juta) telah diperuntukan untuk membina tempat ibadat Islam dan RM8.1 juta (\$2.4 juta) untuk membina tempat ibadat agama-agama Kristian, Buddha, Hindu serta agama-agama minoriti lain antara tahun 2005 dan hujung tahun ini.

Pendaftar Pertubuhan yang berada di bawah Kementerian Dalam Negeri mendaftarkan pertubuhan keagamaan. Pendaftaran membolehkan sesebuah pertubuhan itu menerima bantuan kerajaan dan manfaat lain. Kerajaan tidak mengiktiraf beberapa kumpulan agama. Oleh itu, kumpulan-kumpulan ini kadang kala berdaftar sebagai badan perniagaan di bawah Akta Syarikat.

Kerajaan masih berpegang kepada pandangan bahawa kumpulan-kumpulan “sesat” mengancam keselamatan negara. Menurut laman web JAKIM, pihak kerajaan telah mengenalpasti 56 ajaran sesat. Ini termasuk ajaran Ahmadiyya, Islamailiah, Syiah, dan Baha’i. Kerajaan menyatakan bahawa ajaran “sesat” boleh memecahbelahkan umat Islam. Pihak berkuasa agama, dengan kebenaran mahkamah Syariah, telah menangkap dan menahan ahli-ahli kumpulan yang dianggap “sesat” supaya “dipulihkan” dan dikembalikan kepada “ajaran Islam yang sebenar.” Menteri Hal Ehwal Agama menyatakan bahawa anggota kumpulan tersebut boleh didakwa atau ditahan di bawah ISA atau dipulihkan. Pihak kerajaan mahupun pihak berkuasa agama tidak memberikan data tentang bilangan orang yang telah

MALAYSIA

didakwa atau dipulihkan.

Pihak kerajaan terus memantau kegiatan golongan minoriti Syiah dan pihak berkuasa agama negeri berhak menahan pengikut Syiah di bawah ISA sebagai ahli “mazhab Islam yang sesat”. Menurut kerajaan, tiada seorang pun yang ditahan di bawah ISA pada tahun ini atas sebab keagamaan.

Jabatan Hal Ehwal Islam Selangor masih berusaha untuk menghentikan penyebaran ajaran kumpulan Islam al-Arqam yang telah diharamkan. Kementerian Dalam Negeri Persekutuan masih meneruskan siasatan terhadap kumpulan tersebut yang dianggap sebagai "mengancam keselamatan negara." Pihak berkuasa memantau rapi kumpulan tersebut.

Pihak kerajaan umumnya menghormati hak untuk beribadat golongan bukan Islam. Walaubagaimanapun, kerajaan negeri mempunyai kuasa terhadap pembinaan rumah ibadat dan peruntukan tanah perkuburan bukan Islam. Adakalanya, pihak berkuasa negeri mengambil masa yang sangat lama untuk meluluskan permit pembinaan bangunan. Kumpulan-kumpulan agama minoriti melaporkan bahawa kerajaan negeri adakalanya menghalang aktiviti pembinaan melalui penggunaan kanun-kanun pembinaan dan pengezonan terbatas.

Dari segi amalan, undang-undang Syariah yang dikuatkuasakan di negara ini tidak membenarkan orang Islam yang dilahirkan sebagai orang Islam bertukar agama kepada agama lain. Mahkamah Syariah selalunya menafikan sebarang permohonan untuk keluar daripada agama Islam.

Lina Joy dilaporkan telah meninggalkan negara kerana tidak sanggup memanjangkan kes penukaran agamanya di mahkamah Syariah berikutan keputusan Mahkamah Persekutuan tahun 2007 untuk mengesahkan keputusan mahkamah rendah tahun 2005 bahawa mahkamah sivil tidak mempunyai bidang kuasa terhadap kes tersebut.

Undang-undang melarang keras orang bukan Islam daripada berdakwah kepada orang Islam.

MALAYSIA

Namun demikian, tindakan berdakwah kepada orang yang bukan Islam tidak pula dikenakan sebarang halangan.

Menurut Majlis Perundingan bagi Penganut-penganut Agama Buddha, Kristian, Hindu, Sikh dan Taoisme Malaysia, pihak kerajaan masih menyekat permohonan visa paderi dari luar negara yang berumur kurang daripada 40 tahun untuk menghalang mereka daripada memasuki negara ini. Meskipun wakil kumpulan bukan Islam tidak menganggotai jawatankuasa imigresen yang meluluskan permohonan visa bagi paderi, namun jawatankuasa imigresen merujuk kepada majlis perundingan untuk mendapatkan saranan mereka. Pada bulan Mei, Lembaga Endowmen Hindu mendakwa bahawa pihak kerajaan enggan meluluskan permit bagi binaan tambahan dan menolak permohonan baru bagi pengambilan paderi-paderi dan ahli-ahli muzik kuil, serta memerlukan para pemegang visa sedia ada untuk memohon mendapatkan lanjutan visa pada setiap bulan. Pada bulan Disember, Menteri Sumber Manusia menyatakan bahawa kaum India perlu menghentikan penggunaan paderi-paderi asing dan pihak kerajaan bersedia menyediakan latihan kepada golongan muda mudi kaum India untuk menjadi paderi kuil.

Pendidikan agama diwajibkan kepada kanak-kanak Islam dan pendidikan perlu mengikut kurikulum yang diluluskan oleh kerajaan. Kakitangan kerajaan yang beragama Islam dikehendaki menghadiri kelas pengajian Islam yang diajar oleh guru yang diluluskan oleh pihak kerajaan.

Kerajaan tidak mengharamkan pengedaran kitab-kitab Injil, pita-pita agama Kristian, dan bahan cetak lain yang telah diterjemahkan kepada bahasa Melayu di Semenanjung Malaysia, tetapi menyekat pengedarannya serta mensyaratkan bahawa amaran “Bukan Untuk Orang Islam” perlu dicetak pada semua bahan terbitan bahasa Melayu tersebut. Pengedaran bahan-bahan berkaitan agama Kristian dalam bahasa Melayu di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak, tidak menghadapi banyak sekatan. Pada bulan September, kerajaan telah mengharamkan 15 buah buku dan penerbitan tentang Islam yang dianggap boleh menggugat iman orang Islam.

MALAYSIA

Kerajaan umumnya melarang kata-kata atau penerbitan yang boleh menjejaskan keharmonian bangsa atau agama. Ini termasuk kenyataan dan penerbitan yang mengkritik agama tertentu, terutamanya Islam. Kerajaan juga mengawal kandungan khutbah di masjid. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pihak kerajaan dan parti pembangkang PAS telah cuba menggunakan masjid-masjid negeri di bawah kuasa masing-masing untuk menyampaikan khutbah yang berunsur politik. Beberapa negeri cuba melarang imam-imam yang mempunyai hubungan dengan parti pembangkang daripada berkhotbah di masjid. Sesetengah agama minoriti telah membuat aduan bahawa pihak kerajaan mengetepikan hak-hak mereka demi mementingkan status agama Islam. Pada 4 Julai, satu kumpulan agama Sikh yang mewakili lebih daripada 100,000 penganut agama tersebut telah menyertai tuntutan mahkamah yang dibuat oleh Ketua Biskop Katolik terhadap arahan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri kepada Gereja Katolik pada 12 Februari supaya menghentikan penggunaan istilah “Allah”, yang dianggap oleh kementerian tersebut sebagai hak eksklusif agama Islam, dalam penerbitan minggunya, iaitu *The Catholic Herald*. Kes tersebut masih tertunggak pada hujung tahun.

Pada 16 Julai, Menteri Dalam Negeri telah mengeluarkan sepucuk surat kepada Ketua Biskop Katolik, selaku penerbit *The Catholic Herald*, menuntut penjelasan bagi penerbitan bahan yang didakwa telah melanggar permit penerbitan melalui analisis yang dibuat tentang pilihan raya kecil bulan Ogos. Pada bulan Ogos, Kementerian tersebut telah mengeluarkan surat amaran kepada Herald dan menuntut penjelasan bagi artikel-artikel yang didakwa tidak “menumpu” sepenuhnya pada hal keagamaan serta berkaitan sebuah laporan yang berjudul *America and Jihad – Where do they stand?* yang kononnya menghina Islam. Pada bulan Disember, pihak kerajaan telah memperbaharui permit percetakan tetapi melarang penerbitan akhbar tersebut dalam bahasa Melayu, iaitu bahasa rasmi negara ini.

Menurut beberapa pembela hak asasi wanita, kaum wanita tertakluk kepada tafsiran undang-undang Syariah yang mendiskriminasi kaum wanita serta perlaksanaan undang-undang secara tidak konsisten antara satu negeri ke satu negeri yang lain.

MALAYSIA

Tambahan kepada larangan sedia ada berkaitan wanita yang bekerja di kedai runcit dan restoran supaya memakai tudung dan dibenarkan bahagian muka dan tangan sahaja didedahkan, majlis perbandaran Kelantan telah mengeluarkan arahan yang melarang wanita yang bekerja di kedai makan dan premis perniagaan daripada memakai kasut bertumit tinggi dan gincu bibir semasa bekerja.

Polis agama negeri terus melakukan serbuan di rumah-rumah persendirian, kelab-kelab malam, dan tempat-tempat yang sedemikian sepanjang tahun untuk mencari orang Islam yang melakukan kesalahan seperti berjudi, minum arak, pemakaian tidak sopan, dan melakukan hubungan seks luar nikah. Pihak kerajaan tidak menyediakan sebarang statistik berkaitan serbuan tersebut.

Penindasan dan Diskriminasi Masyarakat

Retorik-retorik politik yang berasaskan agama telah meningkatkan ketegangan antara kumpulan-kumpulan agama tetapi tidak mencetuskan sebarang keganasan. Anggaran yang boleh dipercayai tentang bilangan penduduk Yahudi di negara ini tidak disediakan dan tiada masyarakat tempatan Yahudi atau saumaah Yahudi yang terdapat di sini. Tiada laporan yang dibuat tentang tindakan yang berupa anti-Semitik.

Bagi mengikuti perbincangan yang lebih mendalam, sila rujuk *Laporan Kebebasan Beragama Antarabangsa 2008* di www.state.gov/g/drl/irf/rpt.

d. Kebebasan Bergerak, Orang Terpinggir Dalam Negara, Perlindungan Pelarian, dan Orang Tanpa Kerakyatan

Perlembagaan memperuntukan kebebasan untuk bergerak dalam negara, membuat lawatan ke luar negara, emigrasi (penghijrahan), dan repatriasi (penghantaran semula ke negeri asal). Secara amalan, pihak kerajaan umumnya menghormati hak-hak asasi ini, walaupun ada beberapa sekatan yang dikenakan. Negeri-negeri Sabah dan Sarawak di Malaysia Timur mengawal imigrasi dan mensyaratkan supaya warga Semenanjung Malaysia dan orang asing mengemukakan pasport atau kad pengenalan kebangsaan bagi kemasukan ke negeri-negeri

MALAYSIA

itu. Kerajaan ada memberikan kerjasama kepada Pesuruhjaya Tinggi PBB bagi Pelarian (UNHCR) dan umumnya tidak menghalang mana-mana pertubuhan kemanusiaan yang lain daripada memberikan perlindungan dan bantuan kepada para pelarian, pemohon suaka, orang tanpa kerakyatan, dan orang lain yang perlu dilindungi.

Pihak kerajaan mengawal selia pergerakan di dalam negeri terhadap tahanan-tahanan ISA yang telah dibebaskan dengan bersyarat. Pihak kerajaan juga menggunakan Akta Kediaman Terhad untuk menghadkan pergerakan orang yang disyaki terlibat dalam beberapa kegiatan jenayah.

Setiap warganegara mesti membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada pihak kerajaan bagi lawatan ke negara Israel.

Perlembagaan memperuntukan bahawa tiadak seorangpun warganegara yang boleh dibuang negeri atau disisih dari Negara ini. Namun begitu, Chin Peng, yang merupakan bekas pemimpin gerakan komunis, telah gagal dalam cubaan beliau untuk kembali ke Malaysia pada bulan Jun apabila Mahkamah Rayuan mengesahkan keputusan awal yang memerlukan beliau mengemukakan bukti bahawa beliau adalah warganegara Malaysia. Keputusan tersebut telah memaksanya untuk terus hidup dalam buangan di Thailand.

Pengerusi HINDRAF, Waytha Moorthy, telah ditahan sementara berikutan demonstrasi besar-besaran anjuran HINDRAF pada bulan November 2007. Selepas dibebaskan, beliau telah pergi ke luar negara untuk meningkatkan kesedaran terhadap penyisihan kaum India. Atas alasan bimbang bahawa dia akan ditahan, Moorthy enggan kembali ke tanahair dan berada dalam buangan secara sukarela berikutan penahanan ISA lima pemimpin HINDRAF yang lain pada bulan Disember 2007. Pada bulan Mac, pihak kerajaan telah membatalkan passport beliau.

Perlindungan Pelarian

Undang-undang tidak memperuntukan pemberian suaka atau status pelarian mengikut Konvensyen PBB berhubung Status Pelarian 1951 dan protokol 1967, dan pihak kerajaan

MALAYSIA

belum mewujudkan satu sistem bagi pemberian perlindungan kepada pelarian. Pihak kerajaan tidak memberikan status pelarian atau pemohon suaka. Secara amalan, pihak kerajaan tidak memberikan perlindungan terhadap tindakan mengusir atau menghantar balik pelarian ke negara-negara di mana nyawa atau kebebasan mereka boleh diancam. Pihak kerajaan umumnya tidak menghantar balik individu-individu yang berdaftar dengan UNHCR dan yang sedang diproses bagi tujuan penempatan semula di negara-negara ketiga.

Pihak kerajaan masih mengusir sesetengah pelarian dan pemohon suaka tetapi membenarkan pelarian dan orang-orang tertentu yang memerlukan perlindungan untuk terus tinggal di sini sementara menunggu untuk ditempatkan semula di negara-negara lain. Umumnya, pihak kerajaan tidak membezakan antara pemohon suaka dengan pendatang haram, dan menahan mereka di pusat-pusat yang sama. Keadaan di pusat-pusat tahanan adalah sesak dan kemudahan perubatan serba kekurangan. NGO hak asasi manusia tempatan mendakwa bahawa para pegawai imigresen mendera para tahanan dan tidak menyediakan makanan yang cukup.

NGO tempatan menganggarkan terdapat 100,000 pemohon suaka, pelarian, dan orang tanpa kerakyatan di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah itu, seramai kira-kira 70,000 orang merupakan pelarian Burma, termasuk kaum-kaum Chin, Mon, dan Rohingya. Dianggarkan seramai 61,000 orang Islam Filipino yang telah melarikan diri daripada pemberontakan Moro pada tahun 1970-an yang dilaporkan tinggal di negara ini. Sehingga 1 Ogos, UNHCR telah mendaftarkan seramai 41,405 orang yang perlu dilindungi di negara ini. Daripada jumlah itu, seramai 11,172 adalah kanak-kanak dan lebih 88 peratus adalah rakyat Burma.

Pada tahun ini terdapat laporan yang meluas daripada pihak NGO, organisasi-organisasi antarabangsa, dan kumpulan-kumpulan masyarakat sivil yang mendakwa bahawa para pegawai imigresen terlibat dalam perdagangan pelarian Burma. Para pelarian ini dikatakan telah dibawa dari pusat-pusat tahanan imigresen ke Thailand, di mana ada sebahagian mereka dijual sebagai hamba (Rujuk Bahagian 5, Perdagangan Manusia).

MALAYSIA

Sepanjang tahun, pihak RELA terus membuat serbuan di kem-kem pelarian dan menahan para pelarian dan pemohon suaka serta mereka yang didakwa pendatang haram. Menurut para NGO tempatan, mereka yang tidak mempunyai dokumen UNHCR tidak diberi peluang untuk berhubung dengan UNHCR semasa dalam tahanan. Oleh itu, hak mereka jangan disekat untuk mendapatkan suaka. Para pelarian yang memiliki kad UNHCR biasanya terselamat daripada ditahan oleh pihak polis, mahupun adakalanya polis masih menahan pemohon-pemohon suaka kerana gagal mengenali dokumen UNHCR tersebut.

Pada bulan Jun, pihak kerajaan telah mengusir dua rakyat negara China yang memperkenalkan diri mereka sebagai beragama Islam atas permintaan kedutaan China.

Walaupun kebanyakan pemohon suaka akan pergi ke Kuala Lumpur untuk mendapatkan penetapan, pihak UNHCR ada menguruskan pendaftaran bergerak di tempat-tempat yang mempunyai ramai bilangan pelarian kerana UNHCR tidak menetapkan kehadiran mereka di sempadan-sempadan negara. Dari bulan Januari hingga September, UNHCR telah menyenaraikan seramai 8,891 orang sebagai pemohon suaka dan 42,308 orang sebagai pelarian. Antara jumlah pelarian tersebut, kira-kira 88 peratus daripada mereka adalah rakyat Burma.

Menjelang awal September, UNHCR telah mengemukakan 5,849 pelarian ke negara-negara ketiga untuk dipertimbangkan penempatan mereka. Negara-negara ketiga telah menerima dan menempatkan 4,885 orang pelarian. Pelarian yang selebihnya masih menghadapi risiko ditahan dan diusir oleh para pegawai imigresen.

Pada bulan Julai, pihak kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM50 juta (kira-kira \$14,705,882) untuk membiayai operasi menghantar balik seramai 100,000 hingga 150,000 pendatang haram di Sabah ke negara-negara asal mereka. Sumber-sumber yang dipercayai melaporkan kurang daripada 20,000 ribu orang telah dihantar balik ke negara asal mereka menjelang hujung tahun.

MALAYSIA

Undang-undang imigresen menjatuhkan hukuman enam bulan penjara dan 6 kali sebatan sehingga enam kali atas kesalahan imigresen. Secara amalnya, kelewatan memproses dokumen-dokumen perjalanan telah menyebabkan penahanan ramai pendatang haram di kem-kem tahanan selama lebih setahun. Pihak berkuasa telah merotan sekurang-kurangnya enam orang pelarian berdaftar, termasuk seorang yang berusia di bawah umur, berbanding 32 orang pada tahun 2007.

Badan-badan NGO melaporkan bahawa keadaan di pusat-pusat tahanan imigresen masih tidak baik, umumnya disebabkan kekurangan wang bagi keperluan makanan, rawatan perubatan, dan penyenggaraan prasarana.

Orang Tanpa Kerakyatan

Kerakyatan diperoleh daripada ibu bapa seseorang (*jus sanguinis*). Pihak NGO menganggarkan bilangan orang tanpa kerakyatan seramai antara beberapa ribu hingga 30,000 orang. Sebuah kerajaan asing menganggarkan kira-kira 10 hingga 20 peratus daripada 60,000 pendatang haram dan orang yang perlu dilindungi di Sabah adalah kanak-kanak tanpa kerakyatan yang dilahirkan di negeri itu. Para pegawai kerajaan tidak memberikan kemudahan pendidikan, rawatan perubatan, dan hak memiliki harta benda dan tanah kepada mereka yang tidak mempunyai kerakyatan.

Sesetengah mereka yang tiada kerakyatan adalah berpunca daripada keengganan pihak kerajaan mendaftarkan kelahiran mereka kerana ketiadaan bukti yang cukup tentang taraf perkahwinan ibu bapa. Perkahwinan antara agama yang tidak diiktiraf oleh kerajaan kerap kali mengakibatkan anak-anak tidak mempunyai dokumen sah, dan secara *de facto*, kanak-kanak ini tidak mempunyai kerakyatan.

Bahagian 3 Menghormati Hak Politik: Hak Rakyat Untuk Menukar Kerajaan

Undang-undang memperuntukkan hak kepada rakyat untuk menukar kerajaan secara aman dan rakyat melaksanakan hak ini melalui pilihan raya berkala berdasarkan hak mengundi umum. Meskipun umumnya jumlah undi dikira dengan tepat, namun terdapat ketaksekataan yang

MALAYSIA

menjejaskan keadilan pilihan raya. Secara amalan, hak ini sebenarnya disekat.

Pilihan Raya dan Penyertaan Politik

Parti pembangkang tidak mampu bersaing secara sama-rata dengan parti gabungan Barisan Nasional pimpinan parti Melayu UMNO yang telah memegang tampuk pemerintahan sejak kemerdekaan pada tahun 1957. Ini kerana terdapat sekatan-sekatan yang dikenakan terhadap kempen, kebebasan berhimpun dan berpersatuan, serta kemudahan menggunakan media. Namun begitu, calon-calon pembangkang tetap berkempen dengan giat dan pada pilihan raya yang berlangsung pada 8 Mac, parti-parti pembangkang telah berjaya menawan 82 daripada 222 kerusi Parlimen dan 198 daripada 505 kerusi Dewan Undangan Negeri. Buat pertama kalinya sejak tahun 1969, pihak pembangkang telah berjaya menghalang pembentukan dua pertiga majoriti perikatan yang memerintah dan menyekat kebolehan pihak kerajaan meminda perlembagaan dengan sewenang-wenangnya.

Parti-parti pembangkang tidak mampu beroperasi dengan adanya sekatan atau campur tangan luar berlaku. Ketiadaan akses yang saksama kepada media merupakan salah satu masalah yang paling serius dihadapi oleh pihak pembangkang semasa pilihan raya kebangsaan bulan Mac dan pilihan raya kecil berikutnya. Para pemimpin parti pembangkang juga mendakwa bahawa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dikawal oleh kerajaan dan tidak mempunyai kebebasan untuk menjalankan tugas secara adil. Pada bulan Februari, SPR telah mengumumkan penggunaan dakwat kekal pada pilihan raya umum 8 Mac sebagai langkah untuk memastikan pilihan raya yang adil. Walau bagaimanapun, SPR telah menarik balik keputusan tersebut pada 4 Mac, iaitu empat hari sebelum hari pilihan raya, dengan alasan bahawa terdapat laporan polis yang mendakwa pihak yang tidak dikenali telah membeli dakwat kekal dari luar negara bagi tujuan mewujudkan “kekeliruan dan rasa curiga terhadap status pengundi.” Siasatan selanjutnya tidak menghasilkan sebarang bukti yang boleh menjejaskan penggunaan dakwat tersebut. Terdapat pelbagai rungutan yang dibuat oleh pihak pembangkang tentang tingkah laku pegawai pilihan raya yang tidak mengikut peraturan semasa kempen tetapi kebanyakan pemerhati menyatakan bahawa ini tidak banyak mengubah keputusan pilihan raya tersebut. Pihak NGO dan para pemimpin parti pembangkang telah membuat aduan tentang pendaftaran para pengundi "hantu"

MALAYSIA

yang dikatakan telah dibawa masuk dari daerah lain untuk mengundi di kawasan yang menghadapi persaingan sengit; daftar pengundi yang diperbesar bilangannya; pengundi tidak berdaftar yang menggunakan nama rekaan atau nama orang yang sudah meninggal dunia tetapi masih tersenarai dalam daftar pengundi; dan penduduk bukan warganegara yang didaftarkan sebagai pengundi.

Perlembagaan menyatakan bahawa bilangan pengundi layak di kawasan-kawasan pengundian parlimen harus mempunyai anggaran bilangan pengundi yang sama banyak. Namun, hakikatnya bilangan pengundi antara kawasan-kawasan amat berbeza sekali. Misalnya, kawasan pengundian Putrajaya mempunyai 6,606 orang pengundi, manakala kawasan pengundian Seputeh di Kuala Lumpur mempunyai 76,891 orang pengundi. Di Gopeng, Perak, bilangan para pengundinya ialah 74,344 orang berbanding di Lenggong yang hanya mempunyai 23,223 orang pengundi.

Sepanjang tahun-tahun yang lalu, kuasa semakin tertumpu pada Perdana Menteri, dan fungsi parlimen sebagai badan perbincangan semakin merosot. Parlimen jarang sekali meminda atau menolak undang-undang yang dicadangkan oleh kerajaan dan tidak memberikan pertimbangan yang serius terhadap cadangan undang-undang yang dikemukakan oleh pihak pembangkang. Prosedur parlimen memberi kuasa kepada Speaker parlimen untuk menggantung ahli parlimen, menyekat dari bertanya soalan, menyunting ucapan bertulis ahli sebelum disampaikan, dan banyak mengehadkan peluang ahli untuk menyual dan membahaskan dasar-dasar kerajaan. Dengan meningkatnya bilangan ahli parlimen pihak pembangkang, para pegawai kerajaan sering disoal dengan tegas di Parlimen, dan pihak akhbar membuat liputan secara lebih terperinci berbanding sebelum ini. Misalnya, pada tahun ini pihak kerajaan telah membenarkan siaran langsung selama 30 minit yang meliputi sesi soal jawab harian di Parlimen.

Mengikut Akta Kerajaan Tempatan, pemilihan para pegawai awam hanya terhad kepada kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen Persekutuan sahaja. Beberapa ahli politik dan aktivis NGO telah mengesyorkan agar diperkenalkan semula pilihan raya bagi kerajaan tempatan yang telah dimansuhkan oleh kerajaan selepas rusuhan kaum pada tahun 1969. Beberapa pegawai perbandaran parti pemerintah mengakui bahawa pihak-pihak berkuasa tempatan hanya

MALAYSIA

merupakan “pak turut” kerajaan semata-mata. Perikatan parti-parti pembangkang memegang tampuk pemerintahan di negeri-negeri Perak, Selangor, Pulau Pinang, Kedah, dan Kelantan.

Wanita tidak menghadapi sekatan undang-undang untuk menyertai kerajaan dan politik. Pada penghujung bulan September, dua daripada 33 menteri kabinet adalah wanita. Kaum wanita memegang 23 daripada 222 kerusi Dewan Rakyat dan 17 daripada 68 kerusi Senat.

Secara amalnya, dominasi politik oleh bangsa Melayu bererti orang Melayu memegang jawatan-jawatan pemimpin kanan yang paling tinggi. Yang bukan Melayu mengisi 9 daripada 32 jawatan menteri dan 18 daripada 37 jawatan timbalan menteri.

Rasuah dan Ketelusan Kerajaan

Undang-undang mengenakan hukuman jenayah terhadap para pegawai kerajaan yang terlibat dalam rasuah. Namun begitu, pihak kerajaan gagal melaksanakan undang-undang tersebut secara berkesan dan para pegawai kerajaan kerap terlibat dalam amalan rasuah tanpa dikenakan sebarang hukuman. Pihak media melaporkan beberapa kes rasuah oleh pegawai kerajaan. Pada umumnya, orang ramai beranggapan bahawa rasuah dan kronisme diamalkan secara meluas oleh parti pemerintah dan institusi-institusi kerajaan. Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang merupakan agensi utama kerajaan dalam memerangi gejala rasuah mempunyai kakitangan seramai kira-kira 1,800 orang di seluruh negara. Pada bulan Disember, pihak kerajaan telah meluluskan satu perundangan yang menggantikan BPR dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Pada bulan Disember, Ketua Pengarah BPR telah melaporkan bahawa agensi tersebut telah menangkap seramai 585 orang sepanjang tahun itu, termasuk 271 kakitangan awam. Pihak BPR telah menahan Ketua Pengarah imigresen atas dakwaan menerima rasuah bagi pemberian visa kepada lebih daripada 4,000 pekerja rakyat Bangladesh, golongan yang mudah terdedah kepada eksploitasi buruh. Pihak BPR juga telah menahan Timbalan Ketua Pengarah atas dakwaan menerima rasuah bagi pemberian visa kepada wanita-wanita dari negara China, golongan yang mudah terdedah kepada eksploitasi seks komersil. Mereka biasa bekerja sebagai “pegawai

MALAYSIA

perhubungan”, iaitu nama lain bagi pelacur. Kedua-dua pegawai tersebut telah dilucutkan jawatan masing-masing berserta enam orang pegawai lain.

Kakitangan awam yang enggan atau gagal mengisytiharkan aset mereka akan dikenakan tindakan disiplin dan hilang kelayakan untuk dinaikkan pangkat.

Tiada sebarang undang-undang yang wujud untuk memudahkan permohonan rakyat mendapatkan statistik kerajaan atau maklumat lain yang dikumpul dan disusun oleh kerajaan. Ahli-ahli parlimen dibenarkan memohon dan memperolehi maklumat tersebut secara *ad hoc* pada bila-bila masa. Sesetengah maklumat ini kemudiannya disediakan untuk kegunaan orang awam.

Bahagian 4 Sikap Kerajaan Terhadap Siasatan Antarabangsa dan Bukan Kerajaan Berkaitan Tuduhan Pencabulan Hak Asasi Manusia

Beberapa kumpulan hak asasi manusia tempatan dan antarabangsa umumnya dapat beroperasi tanpa sekatan kerajaan dan mampu menjalankan penyiasatan serta menyiarkan penemuan mereka berkaitan kes-kes hak asasi manusia. Dalam beberapa kes, para pegawai kerajaan agak bersedia memberikan kerjasama dan perhatian terhadap pandangan mereka.

Pihak kerajaan telah memberi kerjasama kepada beberapa organisasi antarabangsa pada tahun tersebut. Kerajaan telah memberikan kerjasama kepada UNHCR untuk menempatkan para pelarian ke negara-negara ketiga.

SUHAKAM lazimnya dianggap sebagai pihak pemantau yang boleh dipercayai dari beberapa aspek hak asasi manusia. SUHAKAM tidak mempunyai bidang kuasa untuk menyiasat sebarang tuduhan berkaitan kes-kes yang sedang dibicara di mahkamah dan mesti menghentikan penyiasatannya jika tuduhan yang disiasat menjadi bahan perbicaraan di mahkamah. Pada tahun itu, Jawatankuasa Penyelarasan Antarabangsa bagi Promosi dan Perlindungan Hak Asasi Manusia (ICC) mendapati bahawa SUHAKAM telah gagal mematuhi Prinsip-prinsip Paris yang merupakan piawai badan hak asasi manusia yang bertindak secara bebas dan berkesan. ICC telah

MALAYSIA

memaklumkan kepada pihak kerajaan tentang kebimbangan pihak tersebut terhadap keupayaan SUHAKAM menjalankan tugas secara bebas dan tidak tertakluk kepada sekatan kerajaan. ICC telah mengesyorkan pembentukan proses yang jelas dan telus bagi pelantikan dan penyingkiran pesuruhjaya serta memanjangkan tempoh perkhidmatan pesuruhjaya daripada tempoh dua tahun yang diamalkan pada masa ini. ICC juga mendapati bahawa SUHAKAM tidak mempamerkan pluralisme dari segi komposisi keahliannya.

Pesuruhjaya-pesuruhjaya SUHAKAM membuat lawatan ke seluruh negara untuk mendidik para pemimpin masyarakat, termasuk pegawai polis, tentang kepentingan hak asasi manusia.

Pesuruhjaya tersebut juga membuat beberapa lawatan ke penjara-penjara di seluruh negara untuk memantau keadaannya. Mereka kerap menyatakan bahawa salah satu cabaran besar yang masih belum diatasi adalah kelembapan pihak kerajaan untuk mengambil tindakan terhadap laporan-laporan yang dikemukakan tentang isu-isu penting yang menyentuh kebebasan asas.

Bahagian 5 Diskriminasi, Penganiayaan Masyarakat dan Perdagangan Manusia

Perlembagaan memperuntukkan perlindungan yang saksama di bawah undang-undang dan melarang diskriminasi terhadap rakyat berdasarkan jantina, agama, bangsa, keturunan atau tempat lahir. Walau bagaimanapun, perlembagaan juga memperuntukkan “kedudukan istimewa” kepada orang Melayu dan penduduk pribumi di Malaysia Timur, iaitu Sabah dan Sarawak (secara kolektifnya dikenali sebagai bumiputra) dan diskriminasi berdasarkan peruntukan ini masih berlaku. Dasar kerajaan dan undang-undang mengutamakan kaum bumiputera untuk mendapatkan rumah, pemilikan rumah, pemberian kontrak kerajaan dan pekerjaan, biasiswa pendidikan dan bidang-bidang lain. Kaum bukan bumiputera kerap bersungut tentang kelebihan tersebut dengan menyatakan bahawa subsidi kerajaan untuk golongan yang memerlukan harus diberikan tanpa mengira bangsa.

Wanita

Kanun jenayah menyatakan bahawa perogol boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 30 tahun, sebat, dan denda. Menurut pihak polis, sebanyak 1,651 kes rogol telah dilaporkan pada separuh tahun pertama. Rogol kelamin tidak dianggap sebagai satu jenayah, walaupun si suami

MALAYSIA

boleh dituduh mencederakan isterinya semasa memaksa si isteri mengadakan hubungan seks.

Mahkamah boleh menentukan tempoh minimum penjara bagi lelaki yang tersabit dengan kesalahan merogol gadis di bawah 15 tahun. Undang-undang juga melarang seseorang yang ada kuasa daripada menggunakan kedudukannya untuk mengugut orang bawahannya supaya mengadakan hubungan seks.

Keganasan terhadap wanita masih menjadi masalah. Laporan kes rogol dan penganiayaan isteri telah menarik perhatian pihak kerajaan, NGO, dan akhbar. Di Bawah Akta Keganasan Rumah Tangga, sesiapa yang sengaja melanggar perintah perlindungan mahkamah dengan menggunakan keganasan terhadap orang yang dilindungi boleh dihukum penjara sehingga setahun dan didenda sehingga RM2,000 (kira-kira \$588). Dalam kes-kes teruk yang melibatkan “kecederaan parah” akibat penggunaan senjata berbahaya, tempoh maksimum penjara dipanjangkan kepada 20 tahun. Kumpulan wanita mengkritik akta tersebut sebagai tidak memadai dan memohon supaya pindaan dibuat untuk mengetatkannya lagi. Pada pendapat mereka, akta tersebut tidak melindungi wanita sewaktu dalam keadaan cemas kerana akta ini memerlukan dua aduan penganiayaan yang dikemukakan secara berasingan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pihak polis, lantas ia boleh lambatkan proses pengeluaran perintah sekatan. Kes-kes tersebut juga memerlukan tanda bukti adanya kecederaan fizikal, meskipun tafsirannya merangkumi penderaan seksual dan psikologi.

Kebanyakan hospital kerajaan menyediakan pusat krisis di mana mangsa rogol dan penderaan rumahtangga boleh membuat laporan tanpa pergi ke stesen polis. Pihak NGO dan parti-parti politik juga memberi kerjasama dalam menyediakan kaunseling kepada mangsa rogol. Namun, sikap budaya dan tanggapan kurang simpati daripada pihak polis yang sebahagian besarnya terdiri daripada anggota lelaki telah mengakibatkan ramai di kalangan mangsa tidak melaporkan kes rogol. Mengikut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat dan sebuah badan NGO wanita yang terkemuka, hanya 10 peratus daripada kes-kes rogol telah dilaporkan kepada polis. Kumpulan-kumpulan wanita mendapati bahawa sesetengah perogol menerima hukuman berat, termasuk sebatan, tetapi yang lain menerima hukuman yang tidak setimpal

MALAYSIA

dengan kesalahan yang dilakukan.

Walaupun pihak kerajaan, NGO, dan parti-parti politik menyediakan tempat perlindungan dan bantuan lain kepada wanita yang didera suaminya, namun para aktivis tetap mendakwa bahawa mekanisme sokongan bagi mangsa keganasan rumahtangga masih tidak memadai. Pihak polis menubuhkan unit siasatan jenayah seks di setiap ibu pejabat polis untuk membantu mangsa jenayah dan penderaan seks. Golongan aktivis hak asasi wanita mendakwa bahawa pihak polis perlu menjalani latihan tambahan bagi mengendalikan kes-kes keganasan rumahtangga dan rogol.

Sesetengah pakar Syariah menggesa kaum wanita Islam supaya lebih peka dengan peruntukan Syariah yang melarang penderaan isteri serta jalan perceraian atas dasar penganiayaan fizikal. Namun begitu, peruntukan dalam undang-undang Syariah negeri umumnya melarang isteri daripada berlaku “derhaka” kepada suami dan ini menghalang wanita daripada membuat tuntutan terhadap suami mereka di mahkamah Syariah. Wanita Islam boleh memfailkan aduan di mahkamah sivil.

Walaupun pelacuran bukan suatu jenayah, namun mencari pelanggan adalah jenayah. Pihak NGO dan organisasi-organisasi antarabangsa menganggarkan antara 50,000-150,000 orang wanita terlibat dalam pelacuran. Mengikut kerajaan, pihak polis telah menahan seramai 6,357 orang pelacur warga asing dan warga tempatan, termasuk 442 kanak-kanak perempuan di bawah umur dalam 8,893 operasi anti-maksiat antara tahun 2003 dan 2008. Orang Islam yang melacur boleh dijatuhi hukuman di bawah undang-undang Syariah kerana melakukan hubungan seks luar nikah. Pihak berkuasa kerap menahan pelacur-pelacur asing, biasanya sebagai pendatang haram atau kerana melanggar syarat-syarat visa bukan imigran mereka. Pengambilan manfaat kewangan daripada kegiatan pelacuran orang lain adalah dilarang dan Pejabat Peguam Negara boleh mendakwa para pesalah.

Satu tatakelakuan sukarela kerajaan menyediakan definisi terperinci bagi gangguan seksual yang bertujuan meningkatkan kesedaran awam tentang masalah ini. Kumpulan-kumpulan wanita

MALAYSIA

sebaliknya menyarankan satu undang-undang yang berasingan digubal bagi kesalahan gangguan seksual. Persekutuan Majikan Malaysia pula menentang sebarang cubaan untuk menggubal undang-undang yang melarang gangguan seksual di tempat-tempat kerja dengan alasan bahawa dasar kerajaan ini akan menimbulkan sekatan yang keterlaluan dalam pengurusan hubungan pekerja.

Para pejuang hak asasi wanita menegaskan bahawa wanita menghadapi layanan yang berbeza di mahkamah Syariah akibat tafsiran undang-undang keluarga Islam yang berat sebelah.

Undang-undang tersebut membenarkan poligami dan sebilangan kecil lelaki Islam mengamalkan poligami. Undang-undang warisan Islam umumnya mengutamakan anak dan saudara lelaki. Kini, semakin ramai wanita berjaya menceraikan suami melalui peruntukan undang-undang Syariah yang membenarkan penceraian tanpa izin suami, walaupun bilangannya masih kecil.

Wanita bukan Islam tertakluk kepada undang-undang sivil. Akta Penjagaan Wanita dan Kanak-kanak memberikan hak penjagaan yang sama-rata kepada ibu. Empat buah negeri telah meluaskan peruntukan akta ini untuk memihak kepada ibu yang beragama Islam, dan kumpulan-kumpulan wanita menggesa agar negeri-negeri lain turut berbuat demikian.

Pihak kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk berlaku adil kepada golongan wanita serta penglibatan wanita dari segi pendidikan dan pekerjaan. Misalnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menganjurkan beberapa program dan bengkel untuk menggalakkan kaum wanita menyertai komuniti perniagaan dan menjalankan perniagaan bersaiz kecil dan sederhana.

Kaum wanita sering didiskriminasi dalam bidang ekonomi dari segi mendapatkan pekerjaan. Pada tahun 2007, terdapat 3.8 juta wanita berbanding 6.8 juta lelaki dalam tenaga buruh. Kaum wanita kerap ditanya tentang taraf perkahwinan semasa temuduga. Pada bulan September, kerajaan negeri Kedah mengumumkan bahawa penghibur wanita hanya dibenarkan membuat persembahan di khalayak penonton wanita sahaja. Kumpulan Tindakan Bersama bagi Kesamaan

MALAYSIA

Gender telah membantah keras tindakan kerajaan negeri kerana mencabuli hak kesamaan gender yang dilindungi oleh perlembagaan.

Kanak-kanak

Pihak kerajaan telah menunjukkan komitmen terhadap perlindungan hak asasi dan kebajikan kanak-kanak. Walau bagaimanapun, sesetengah dasar kerajaan menghadkan hak-hak dan perlindungan tersebut. Misalnya, undang-undang membenarkan penggunaan “rotan ringan” untuk menyebat kanak-kanak lelaki berusia antara 10 hingga 18 tahun sehingga 10 kali.

Ibu bapa perlu mendaftarkan anak dalam tempoh 14 hari selepas kelahiran. Pihak berkuasa menghendaki rakyat supaya mengemukakan sijil perkahwinan dan kad pengenalan MyKad kedua-dua ibu bapa mereka. Bukan warganegara perlu menunjukkan pasport atau dokumen perjalanan mereka. Ibu bapa yang membuat pendaftaran lewat mesti membuktikan bahawa anak itu dilahirkan di negara ini. Pihak berkuasa tidak memasukkan maklumat si bapa bagi anak luar nikah kecuali permohonan bersama dikemukakan oleh ibu dan orang yang mengaku dirinya sebagai bapa kepada anak tersebut. Pihak berkuasa tidak mendaftar anak yang dilahirkan oleh pendatang haram atau pemohon suaka. Pemohon suaka yang mendaftarkan kelahiran anak akan menghadapi risiko ditangkap sebagai pendatang haram. UNHCR mendaftarkan kanak-kanak yang dilahirkan oleh pelarian. Perkahwinan antara orang Islam dengan orang bukan Islam adalah tidak sah. Pasangan dalam berkahwin sedemikian menghadapi kesukaran ketika mendaftar kelahiran anak dari segi mengiktiraf taraf bapa kerana perkahwinan tersebut dianggap tidak sah. Kanak-kanak tanpa sijil kelahiran tidak mendapat taraf kerakyatan dan dinafikan kelayakan untuk masuk ke sekolah awam mahupun swasta. Kanak-kanak tanpa kerakyatan (seperti bukan warganegara) dikenakan bayaran perubatan yang lebih tinggi, dan ini menimbulkan kesusahan hidup.

Meskipun pendidikan sekolah rendah diwajibkan, namun tiada mekanisme penguatkuasaan diwujudkan untuk mengawal kehadiran kanak-kanak di sekolah.

Kerajaan menyedari bahawa eksploitasi seks kanak-kanak dan sumbang muhrim adalah masalah

MALAYSIA

yang masih wujud. Sumbang muhrim khususnya menjadi masalah di kawasan luar bandar. Undang-undang menetapkan penjara antara enam hingga 20 tahun dan hukuman sebat bagi orang yang tersabit dengan kesalahan sumbang muhrim. Keterangan yang diberi oleh kanak-kanak hanya dapat diterima jika ada bukti sokongan. Ini menimbulkan kesukaran bagi kes perkosa di mana kanak-kanak tersebut merupakan satu-satunya saksi.

Rogol statutori berlaku dan pesalah didakwa. Menurut Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, ramai di kalangan mangsa berusia di bawah 15 tahun. Sungguhpun begitu, peruntukan undang-undang Islam yang menganggap gadis Islam yang sudah datang haid sebagai wanita dewasa adakalanya merumitkan pendakwaan bagi kes rogol statutori. Gadis tersebut boleh didakwa berkhalwat, iaitu satu kesalahan di bawah undang-undang Syariah, walaupun dia belum mencapai usia 18 tahun dan pasangannya seorang dewasa. Mahkamah Syariah kadang kala bersikap lebih lembut dengan lelaki yang didakwa berkhalwat, walaupun terdapat banyak kes di mana lelaki Islam telah didakwa dan dihukum atas kesalahan rogol statutori di bawah undang-undang sivil.

Pelacuran kanak-kanak memang wujud tetapi pelacur kanak-kanak seringkali dianggap sebagai budak jahat ataupun pendatang haram dan bukannya mangsa.

Sabah mempunyai masalah kanak-kanak jalanan. Anggaran bilangan adalah antara beberapa ratus hingga 15,000 kanak-kanak yang dilahirkan di negara ini yang ibu bapa mereka adalah pendatang haram. Ada di kalangan mereka yang diusir. Kanak-kanak ini tiada kerakyatan dan tidak mendapat bantuan kerajaan. Mereka kerap kali terpaksa melakukan kerja buruh kasar, kegiatan jenayah, dan pelacuran untuk menyara hidup.

Perdagangan Manusia

Akta Anti-Perdagangan Manusia 2007 telah berkuatkuasa pada bulan Februari. Akta ini melarang semua jenis perdagangan manusia. Namun, terdapat beberapa laporan yang mengatakan bahawa orang didagangkan ke luar negara, dari luar negara atau dalam negara. Kerajaan boleh menggunakan undang-undang lain seperti Akta Kanak-kanak, Akta Imigresen,

MALAYSIA

dan Akta Kediaman Terhad untuk menangkap dan menahan pedagang haram.

Perdagangan manusia merupakan masalah yang serius. Negara ini merupakan negara destinasi bagi lelaki dan wanita yang didagangkan untuk tujuan dijadikan sebagai hamba seks dan buruh paksa. Bagi sebahagian kecil daripada mereka, negara ini juga merupakan negara sumber dan transit. Mangsa dagangan asing, yang kebanyakannya wanita dan gadis dari Burma, Mongolia, China, Indonesia, Kemboja, Thailand, Filipina, dan Vietnam mereka didagangkan ke negara ini bagi tujuan dieksploitasi sebagai hamba seks secara komersil. Ramai pendatang ekonomi dari Nepal, Burma, China, Vietnam, Thailand, Filipina, Kemboja, Pakistan, Bangladesh dan Indonesia bekerja sebagai pembantu rumah atau buruh kasar di sektor pembinaan, kilang, ladang-ladang kelapa sawit dan getah, dan syarikat pembalakan, menghadapi keadaan dieksploitasi yang menepati definisi perhambaan paksa.

Mangsa perdagangan manusia warga asing dikawal melalui pengurungan, perampasan dokumen perjalanan, ikatan hutang, penderaan fizikal, dan/atau pemberian dadah secara paksa. Pihak kerajaan masih belum menyelaraskan undang-undang anti-perdagangan manusia dengan undang-undang dan peraturan sedia ada yang membenarkan atau memerlukan para majikan Malaysia menyimpan pasport dan dokumen perjalanan pekerja asing. Amalan ini merupakan faktor penyumbang terhadap perdagangan manusia. Penyimpanan pasport oleh majikan masih diamalkan. Mengikut laporan berita, mangsa wanita menyatakan bahawa mereka diumpan ke negara ini dan dijanjikan pekerjaan yang sah tetapi dipaksa melacur setibanya mereka di negara ini.

Menurut pihak polis, Majlis Peguam dan SUHAKAM, ramai warga asing yang didapati terlibat dalam pelacuran mungkin merupakan mangsa perdagangan manusia. Kedutaan asing, NGO dan pihak berkuasa kerajaan melaporkan bahawa polis dan NGO telah menyelamatkan dan menghantar pulang lebih 100 orang mangsa perdagangan manusia sepanjang tahun ini. Usaha menyelamatkan mereka tidak berjaya menghasilkan banyak penangkapan dan pendakwaan terhadap pedagang haram. Pihak polis telah berjaya menyelamatkan seramai 79 orang wanita dan sekurang-kurangnya empat kanak-kanak di bawah umur yang daripada dijadikan hamba seks

MALAYSIA

komersil kepada perlindungan perdagangan manusia yang dikendalikan oleh kerajaan. Antaranya ini, seramai 20 wanita disahkan sebagai mangsa perdagangan manusia. Kesemua yang disyaki dan disahkan sebagai mangsa adalah pendatang sah. Pihak kerajaan belum lagi membentuk atau melaksanakan prosedur proaktif untuk mengenalpasti mangsa perdagangan manusia di kalangan populasi pekerja asing.

Sebilangan kecil wanita dan gadis tempatan turut diperdagangkan bagi tujuan seks, khususnya ke Singapura, Macau, Hong Kong, dan Taiwan, manakala yang lain dihantar ke United Kingdom, Jepun, Australia, dan Kanada. Menurut pihak polis dan para pemimpin masyarakat Cina, warganegara wanita yang menjadi mangsa perdagangan manusia biasanya terdiri daripada kaum Cina, walaupun ada juga wanita Melayu dan India dijadikan sebagai pelacur. Pihak NGO menganggarkan kurang daripada 100 wanita Malaysia diperdagangkan ke luar negara pada tahun ini, dan bilangannya semakin berkurangan pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Perdagangan manusia rakyat Malaysia di dalam negara masih merupakan satu masalah. Golongan wanita khususnya dari luar bandar, orang-orang asli, dan kaum India terdedah kepada perdagangan manusia domestik bagi tujuan eksploitasi seks dan buruh. Kongres Kesatuan Perdagangan Malaysia (MTUC) menganggarkan sejumlah besar pekerja, baik asing atau domestik, bekerja dalam keadaan yang bersamaan dengan buruh paksa. Namun demikian, data yang boleh dipercayai tidak disediakan untuk dibuat anggaran yang boleh dipercayai.

Pada 25 Februari, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa seseorang pekerja asing tanpa dokumen tidak boleh menerima pampasan sekiranya kehilangan mata pencarian kerana pekerja sedemikian tidak mempunyai status sah di negara ini.

Terdapat laporan-laporan yang boleh dipercayai tentang penglibatan para pegawai imigresen Malaysia tentang perdagangan pelarian warga Burma di sempadan Malaysia-Thailand. Para pegawai imigresen didakwa menerima RM700 (kira-kira \$200) bagi setiap orang yang didagangkan. Beberapa NGO tempatan menganggarkan para pegawai imigresen telah membawa sejumlah besar pelarian ke sempadan Burma untuk diserahkan kepada para pedagang manusia. Para pedagang ini akan menuntut wang tebusan antara RM1,000 (\$300) bagi kanak-kanak

MALAYSIA

hingga RM1,900 (\$560) bagi orang dewasa untuk kebebasan mereka dan pengangkutan semula ke Malaysia. Satu sumber menganggarkan 20 peratus daripada mangsa yang gagal membayar tebusan dijual bagi tujuan eksploitasi seks atau buruh. Beberapa laporan menyatakan bahawa para pedagang menjual kanak-kanak kecil yang tidak ditebus kepada sindiket peminta sedekah kanak-kanak di rantau ini.

Pihak polis dan NGO percaya bahawa sindiket jenayah adalah dalang di sebalik kebanyakan kegiatan perdagangan manusia. Agensi-agensi pekerjaan juga disyaki terlibat secara besar-besaran dalam perdagangan pekerja asing.

Di bawah Akta Pencegahan Perdagangan Manusia, sesiapa yang didapati bersalah kerana mendagangkan orang dewasa akan dikenakan penjara sehingga 15 tahun dan mungkin dikenakan denda. Seseorang yang didapati bersalah mendagangkan kanak-kanak akan menerima hukuman penjara minimum tiga tahun sehingga 20 tahun. Sesiapa yang memperolehi keuntungan melalui perdagangan manusia boleh dipenjarakan sehingga 15 tahun dan didenda antara RM50,000 (kira-kira \$14,706) hingga RM500,000 (\$147,058). Pihak kerajaan telah mendakwa enam kes perdagangan manusia yang melibatkan eksploitasi seks komersil. Pada bulan Disember, kerajaan telah berjaya memperoleh pendakwaan pertama terhadap kesalahan perdagangan manusia. Pihak mahkamah telah menghukum penjara 8 tahun pedagang manusia tersebut. Namun demikian, pihak kerajaan tidak mendakwa pesalah perdagangan buruh yang merupakan perdagangan manusia yang agak penting di negara ini. Pihak kerajaan telah menubuhkan sebuah majlis anti-perdagangan manusia antara agensi yang melibatkan wakil-wakil dari 11 buah organisasi dan tiga buah NGO tempatan.

Kerajaan membantu beberapa orang di bawah umur yang telah dipaksa menjadi pelacur dan menyelamatkan wanita dan gadis yang diperdagangkan. Pada bulan Mac, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat telah membuka dua buah pusat perlindungan mangsa perdagangan manusia dan mula membantu mangsa-mangsa perdagangan seks warga asing. Pada tahun ini, pihak polis masih menggunakan sistem rujukan untuk menempatkan mangsa perdagangan warga asing di pusat perlindungan yang dikendalikan oleh NGO dan kedutaan asing tertentu. Namun, ruang mengahuni di pusat-pusat perlindungan swasta masih

MALAYSIA

tidak mencukupi bagi menempatkan semua mangsa yang dikenalpasti, dan mereka yang tidak dapat diterima oleh pusat-pusat ini telah dipindahkan ke pusat tahanan imigresen untuk menjalani proses penghantaran pulang. Pihak polis menyertai seminar-seminar anti-perdagangan manusia yang dibiayai oleh badan-badan NGO dan pihak-pihak lain dari luar negara.

Pihak kerajaan mengadakan khidmat rundingan, seminar, dan bengkel latihan untuk menyebarkan prosedur pelaksanaan bagi penguatkuasaan undang-undang negara yang anti-perdagangan manusia. Kementerian Wanita dan organisasi-organisasi kerajaan yang lain mula membangunkan program-program kesedaran awam dan merekrut badan-badan NGO tempatan untuk berkongsi amalan baik dalam usaha *outreach* tersebut.

Laporan Perdagangan Manusia tahunan Jabatan Negara boleh didapati di www.state.gov/g/tip.

Orang Kurang Upaya

Baik perlembagaan mahupun undang-undang tidak melarang secara khusus diskriminasi yang berlandaskan ketidakupayaan fizikal atau mental. Namun demikian, pihak kerajaan menggalakkan penerimaan dan penyatupaduan orang kurang upaya oleh masyarakat awam.

Pihak kerajaan tidak mendiskriminasi orang kurang upaya dari segi pekerjaan, pendidikan, akses kepada perkhidmatan kesihatan, atau peruntukan perkhidmatan kerajaan yang lain. Peraturan sektor awam memperuntukan 1 peratus daripada pekerjaan sektor awam kepada orang kurang upaya. Kerajaan tidak mewajibkan penyediaan kemudahan pengangkutan bagi orang kurang upaya dan hanya sebilangan kecil kemudahan awam telah diubahsuaikan untuk orang seperti ini. Bangunan-bangunan baru milik kerajaan umumnya dilengkapi segala kemudahan untuk orang kurang upaya.

Satu tatakelakuan menjadi panduan kepada semua agensi kerajaan, para majikan, persatuan pekerja, para pekerja dan pihak-pihak lain bagi menempatkan orang kurang upaya yang berkecukupan dalam sektor swasta.

MALAYSIA

Sekolah yang menawarkan pendidikan khas memang wujud namun tidak dapat menampung segala keperluan penduduk kurang upaya.

Pihak kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi menggalakkan penerimaan orang kurang upaya oleh masyarakat, memudahkan penggunaan kemudahan awam oleh golongan ini dan menambahkan peruntukan belanjawan bagi program yang disasarkan untuk membantu mereka. Memandangkan kebanyakan pengangkutan awam tidak menyediakan kemudahan yang “mesra orang kurang upaya”, pihak kerajaan telah mengekalkan pengurangan duti eksais sebanyak 50 peratus bagi kereta dan motosikal keluaran tempatan yang diubahsuaikan untuk golongan ini. Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap perlindungan hak asasi golongan kurang upaya.

Minoriti Bangsa/Kaum/Etnik

Undang-undang dan dasar kerajaan banyak menyediakan program istimewa yang dibentuk untuk meningkatkan kedudukan ekonomi golongan bumiputera. Program-program sedemikian menghadkan peluang golongan bukan bumiputera dari segi pendidikan tinggi, pekerjaan di sektor awam, permit dan lesen perniagaan serta hak milik tanah. Perniagaan tertakluk kepada keperluan berasaskan kaum yang menghadkan peluang pekerjaan serta peluang ekonomi yang lain kepada warga-warga bukan bumiputra. Menurut kerajaan, program seumpama ini didapati perlu untuk menjamin keharmonian kaum dan kestabilan politik.

Walaupun matlamat kerajaan adalah untuk mengurangkan kadar kemiskinan, namun dasar-dasar berasaskan kaum ini tidak tertakluk kepada penghadan pendapatan atasan dan ini kelihatan telah menyumbang kepada peningkatan jurang perbezaan antara masyarakat bumiputra itu sendiri. Kaum India, yang tidak menerima keistimewaan tersebut, masih merupakan antara golongan yang termiskin di Malaysia. Satu lagi matlamat dasar ini adalah supaya bumiputra memperoleh 30 peratus daripada kekayaan negara. Mengikut beberapa kajian yang dibuat, program tersebut telahpun mencapai atau melebihi matlamat tersebut. Namun demikian, perangkaan rasmi kerajaan telah meletakkan ekuiti bumiputra pada 18.9 peratus. Pihak kerajaan tidak memberi sebarang maklum balas terhadap permintaan orang awam untuk mengemukakan kaedah yang

MALAYSIA

digunakan dalam penentuan tersebut.

Pada tahun 2006, Menteri Pengajian Tinggi menyatakan bahawa 17 buah universiti awam di negara ini menggunakan khidmat sebilangan kecil dekan bukan bumiputera. Di Universiti Malaya, 19 daripada 20 dekannya adalah bumiputera. Di kebanyakan universiti lain pula, dekan-dekan terdiri daripada kaum bumiputera sahaja. Bumiputera juga membentuk lebih 90 peratus daripada kakitangan awam di seluruh negara yang berjumlah 1.15 juta orang pada hujung tahun. Peratusannya semakin meningkat sejak merdeka pada tahun 1957.

Penduduk Pribumi

Penduduk pribumi (keturunan penduduk asal Semenanjung Malaysia dan Borneo seperti kaum Penan) umumnya menikmati hak perlembagaan yang sama seperti rakyat Malaysia yang lain. Walau bagaimanapun, hakikatnya undang-undang persekutuan berkaitan penduduk pribumi di wilayah semenanjung, juga dikenali sebagai Orang Asli, memberi kuasa yang tinggi kepada Menteri Pembangunan Luar bandar yang bukan berketurunan Orang Asli untuk melindungi, mengawal, dan membuat keputusan untuk isu-isu yang melibatkan kaum itu. Oleh itu, penduduk pribumi di Semenanjung Malaysia tidak terlibat dalam sebarang keputusan yang melibatkan diri mereka. Pihak kerajaan tidak melindungi hak-hak sivil dan politik penduduk pribumi secara berkesan.

Orang Asli yang bilangannya sekitar 140,000 orang merupakan golongan yang termiskin di negara ini. Statistik kerajaan pada tahun 2007 menggolongkan kira-kira 77 peratus keluarga Orang Asli sebagai orang yang hidup di bawah tahap kemiskinan. Bercanggah dengan statistik 2007, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli membuat kenyataan pada bulan September bahawa kurang daripada 10,000 daripada 28,000 keluarga Orang Asli berada di bawah paras kemiskinan. Satu majlis penasihat kebangsaan yang dibiayai kerajaan memantau kemajuan Orang Asli. Namun, hanya lima daripada 17 ahli majlis itu terdiri daripada kaum Orang Asli. Namun, hanya seorang sahaja Orang Asli yang memegang jawatan pengurusan di Jabatan Hal Ehwal Orang Asli kerajaan. Di bawah rancangan ekonomi kesembilan dari tahun-tahun 2006-10, kerajaan telah memperuntukan lebih daripada RM377.8 juta (kira-kira \$111.1 juta) untuk projek-projek

MALAYSIA

pembangunan Orang Asli. Projek-projek ini tertumpu kepada peningkatan taraf kesihatan, pendidikan prasekolah, prasarana, dan kegiatan ekonomi. Rancangan ini juga memperuntukkan RM100 juta (\$29.4 juta) bagi pembangunan tanah yang diduduki Orang Asli dan tambahan RM20 juta (\$5.9 juta) untuk mengatasi inflasi. Pada bulan September 2007, Ketua Pengarah Jabatan tersebut mengumumkan bahawa jumlah pelajar Orang Asli yang tercicir adalah 36 peratus di sekolah menengah, iaitu satu peningkatan berbanding kadar yang tercicir sebanyak 50 peratus pada tahun 2006.

Di bawah Akta Orang Asli, orang-orang Asli dibenarkan menduduki mana-mana kawasan tanah yang telah ditetapkan sebagai penghuni bebas, namun mereka tidak mempunyai hak milik terhadap tanah itu. Pemerhati-pemerhati melaporkan bahawa jumlah keluasan tanah rizab Orang Asli semakin berkurangan dari tahun ke tahun. Bahkan, sebahagian tanah yang sebelumnya diwartakan sebagai rizab Orang Asli kini telah dizonkan semula bagi tujuan pembangunan. Pada bulan September, Jabatan Orang Asli melaporkan bahawa seluas 20,000 hektar tanah telah diperuntukkan kepada Orang Asli pada tahun 2006. Pada bulan November, pihak kerajaan mengumumkan bahawa hak pemilikan tanah bagi kawasan seluas 50,000 hektar milik kerajaan negeri pada masa ini akan diberikan kepada 20,000 buah keluarga.

Ketidakpastian hak milik tanah Orang Asli menyebabkan mereka mudah dieksploitasi. Syarikat pembalakan terus mencero bohi tanah warisan kepunyaan Orang Asli dan kumpulan pribumi lain di Borneo. Penduduk pribumi Sabah dan Sarawak masih membantah pencerobohan oleh kerajaan negeri dan syarikat pembalakan dan perladangan swasta di kawasan tanah yang mereka anggap adalah milik mereka mengikut hak adat bangsa asal.

Persatuan Penan Sarawak terus menggesa kerajaan negeri untuk menentukan sempadan tanah hak adat bangsa asal kaum Penan, menarik balik lesen pembalakan yang bertindih dengan tanah mereka, menghentikan pengeluaran pajakan sementara bagi ladang, dan menghentikan semua kegiatan pembangunan pembalakan dan perladangan di tanah mereka. Kaum Penan merupakan antara kumpulan yang termiskin di negara ini dan hidup di bawah tahap kemiskinan. Pada tahun 2007, SUHAKAM telah menggesa kerajaan supaya memastikan penyediaan kemudahan untuk

MALAYSIA

kaum Penan melalui program-program pembasmian kemiskinan dan penjanaaan pendapatan. Sehingga hujung tahun, kerajaan negeri masih belum memberikan maklum balas terhadap saranan daripada mana-mana pihak.

Pada 13 September, kira-kira 150 ahli Rangkaian Orang Asli Malaysia (IPNM) telah menganjurkan satu bantahan di Kuala Lumpur bagi menggesa pihak kerajaan supaya menghormati komitmen tahun 2007 dalam mendukung Pengisytiharan PBB terhadap Hak-hak Orang Asli. Secara khususnya, IPNM menggesa supaya ditubuhkan Mahkamah Orang Asli, memansuhkan undang-undang yang menyisihkan penduduk asli, dan menghentikan amalan kerajaan memajak tanah adat orang asli tanpa rundingan dengan masyarakat orang asli. Pihak kerajaan telah mengetepikan tuntutan mereka dengan mendakwa bahawa beberapa buah badan NGO yang mempunyai agenda tersembunyi telah mempengaruhi kumpulan pribumi itu.

Undang-undang yang membenarkan rampasan dan pembelian tanah hanya memerlukan notis pemberitahuan disiarkan di akhbar. Akhbar pula mungkin satu-satunya medium yang sukar diperolehi oleh masyarakat pribumi ini. Pada tahun-tahun lepas, keadaan sedemikian telah mengakibatkan kaum pribumi kehilangan hak terhadap tanah pusaka mereka tanpa berpeluang untuk mengambil tindakan undang-undang.

Petisyen yang difailkan oleh puak Semalai (kaum Orang Asli) pada tahun 2007 di Mahkamah Tinggi bagi mengkaji semula perintah pengusiran puak Semalai oleh kerajaan Negeri Pahang dari suatu kawasan yang didakwa oleh puak Semalai adalah tanah tradisi mereka masih tertunggak pada akhir tahun. Pada tahun 2007, suatu tuntutan mahkamah telah difailkan terhadap pihak berkuasa yang didakwa telah merobohkan gereja Orang Asli di Gua Musang pada bulan Jun 2007. Kes ini masih tertunggak pada akhir tahun.

Kaum Penan yang merupakan masyarakat pribumi di Sarawak menggunakan hak adat bangsa asal untuk mewujudkan pemilikan dan pengawasan tanah. Setiap kumpulan kaum Penan menyelenggarakan kawasan masing-masing yang diturunkan dari generasi ke generasi. Tanah adat bangsa asal tidak sentiasa ditentukan dengan jelas. Kumpulan hak pribumi mendakwa

MALAYSIA

bahawa Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, telah memajakkan tanah adat kaum Penan dan kaum pribumi yang lain kepada syarikat pembalakan dan pemaju tanah bagi mendapatkan wang dan bantuan politik. Para pemerhati tempatan menyatakan bahawa syarikat pembalakan ini mengganggu dan kadang kala mengugut para pemimpin kaum Penan dan aktivis hak tanah.

Satu badan NGO antarabangsa yang boleh dipercayai melaporkan bahawa pekerja-pekerja dari dua buah syarikat pembalakan, termasuk satu yang dimiliki keluarga Ketua Menteri, kerap memperkosa wanita dan gadis-gadis Penan yang telah menyebabkan ada di kalangan mereka yang mengandung. Pihak NGO telah menggesa kerajaan supaya menyiasat dakwaan tersebut. Walaupun Timbalan Penguasa Daerah Marudi menegaskan bahawa dakwaan itu akan disiasat, namun Timbalan Ketua Menteri telah mengetepikan dakwaan tersebut pada mulanya dengan mengatakan bahawa tanpa sebarang bukti dan keterangan khusus berkaitan dakwaan, sebarang penyiasatan hanya membuang masa sahaja. Walau bagaimanapun, berikutan kemarahan orang ramai yang berterusan, beliau telah mengumumkan bahawa pihak polis akan menyiasat dakwaan tersebut. Ibu pejabat polis telah menjalankan siasatan yang masih tertunggak pada hujung tahun.

Diskriminasi dan Penganiayaan Masyarakat Yang Lain

Meskipun tiada undang-undang yang melarang hubungan sejenis namun Malaysia menguatkuasakan undang-undang yang mengharamkan perbuatan liwat dan hubungan seks di luar tabii. Larangan terhadap hubungan sesama jantina adalah luas, baik dari segi agama mahupun budaya.

Maklumbalas kerajaan terhadap HIV/AIDS umumnya tidak bersifat diskriminasi, walaupun keaiban terhadap penghidap AIDS adalah lazim. Pada 18 Disember, Timbalan Perdana Menteri mengumumkan bahawa mulai tahun 2009 pemeriksaan HIV adalah wajib bagi semua orang Islam yang ingin berkahwin. Beliau menyatakan pemeriksaan ini perlu berikutan kenaikan kadar jangkitan HIV di kalangan kaum wanita. Mengikut pihak kerajaan, lebih 82,000 kes HIV/AIDS telah dikenalpasti sejak tahun 1986 dan lebih 1,500 kes baru telah dikenal pasti pada tahun ini.

Bahagian 6 Hak Pekerja

MALAYSIA

a. Hak Berpersatuan

Menurut undang-undang, kebanyakan pekerja mempunyai hak untuk melibatkan diri dalam kegiatan persatuan sekerja tetapi Akta Kesatuan Sekerja (AKS) dan Akta Perhubungan Industri (API) mengehendkan hak ini. Undang-undang lain mungkin juga mengehend kebebasan berpersatuan. Misalnya, Kanun Jenayah memerlukan kebenaran polis untuk menjalankan perhimpunan umum lebih daripada lima orang. Kesatuan sekerja hanya mewakili 8.9 peratus daripada tenaga buruh, suatu penurunan daripada 9.3 peratus pada tahun 2005.

Kumpulan yang dihalang oleh undang-undang daripada menyertai mana-mana kesatuan termasuklah pekerja sektor awam yang dikategorikan sebagai “sulit, pengurusan, dan eksekutif” dan para pegawai tentera dan polis. Walau bagaimanapun, mengikut Gabungan Kesatuan Perdagangan Antarabangsa (GKPA), pindaan API baru-baru ini akan menyukarkan lagi pembentukan persatuan oleh para pekerja kerana Ketua Pengarah dan Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk menentukan taraf pekerja sebagai “sulit,” “pengurusan,” ataupun “eksekutif,” dan ini mungkin boleh disalahgunakan oleh majikan. Secara teorinya, pekerja asing boleh menganggotai kesatuan sekerja. Namun, Jabatan Imigresen menghalang pekerja asing daripada memegang jawatan dalam kesatuan sekerja dan kebanyakan kontrak pekerja asing melarang mereka daripada menjadi ahli kesatuan sekerja.

Akta Kesatuan Sekerja melarang campur tangan, menghalang, atau memaksa pekerja dalam hal melaksanakan hak untuk menubuhkan kesatuan sekerja atau menyertai kegiatan kesatuan sekerja yang sah di sisi undang-undang. Walau bagaimanapun, akta ini mengehend perwakilan kesatuan kepada pekerja dalam “syarikat, perdagangan, pekerjaan atau industri yang tertentu atau dalam mana-mana perdagangan, pekerjaan atau industri yang serupa.” Tambahan, Ketua Pengarah Kesatuan-kesatuan Sekerja boleh menafikan pendaftaran kesatuan sekerja atas budi bicaranya, dan menarik balik pendaftaran kesatuan sekerja sedia ada berdasarkan peruntukan yang digariskasikan dalam akta ini. Apabila pendaftaran ditolak, ditarik balik atau dibatalkan, maka kesatuan sekerja itu dianggap sebagai pertubuhan haram. Tiada sebarang laporan dikemukakan pada tahun ini tentang tindakan sedemikian.

MALAYSIA

Jawatankuasa Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) berkaitan Kebebasan Berpersatuan mendapati banyak peruntukan dalam Akta Kesatuan Sekerja yang melanggar prinsip kebebasan berpersatuan dan pindaan yang dibuat pada tahun 2007 telah dilakukan “tanpa mempertimbangkan” saranan-saranan ILO atau tanpa rundingan dengan MTUC serta pertubuhan buruh yang lain.

Para pegawai MTUC masih menyuarakan rasa kecewa mereka berkaitan kelewatan menyelesaikan pertikaian berkaitan pengiktirafan kesatuan. Walaupun API memerlukan majikan memberi maklum balas terhadap permohonan iktiraf sesebuah kesatuan dalam tempoh 21 hari selepas permohonan, namun penolakan permohonan dan kesatuan tidak diiktiraf selama satu hingga empat tahun kerap berlaku. Di bawah pindaan akta, jika majikan tidak memberi maklum balas kepada permohonan kesatuan dalam tempoh 21 hari, pihak kesatuan perlu menghantar rayuan bertulis kepada Ketua Pengarah Kesatuan-kesatuan Sekerja dalam tempoh 14 hari. Kegagalan berbuat demikian dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan kesatuan tersebut tidak diiktiraf secara automatik. Pindaan juga menafikan hak kesatuan dan individu untuk melakukan mogok bagi membantah ketidakiktirafan kesatuan mereka.

Kesatuan sekerja daripada industri-industri yang berbeza, kecuali sektor elektronik, boleh menyertai kongres kebangsaan tetapi kongres tersebut mesti didaftarkan secara berasingan sebagai persatuan di bawah Akta Pertubuhan.

Dasar kerajaan menghalang penubuhan kesatuan sekerja kebangsaan dalam sektor elektronik, yang merupakan industri terbesar negara, kerana sektor ini mempunyai “taraf perintis” yang diberi insentif pelaburan tertentu. Kerajaan menyatakan bahawa penubuhan kesatuan sekerja kebangsaan dalam sektor elektronik akan menghalang pelaburan langsung dari luar negara dan memberikan kesan negatif terhadap daya saing negara dalam sektor tersebut di peringkat antarabangsa. Beberapa pemimpin negara berkata bahawa kesatuan sekerja di peringkat syarikat sahaja adalah lebih sesuai bagi industri elektronik. Menurut pegawai MTUC, seramai 150,000 pekerja sektor elektronik tidak berjaya disatukan dan hanya lapan kesatuan peringkat syarikat telah ditubuhkan dalam industri elektronik.

MALAYSIA

Kersatuan bebas daripada kawalan kerajaan dan parti politik. Namun, ahli-ahli individu dibenarkan menyertai parti politik. Walaupun pegawai kesatuan dilarang oleh undang-undang untuk memegang jawatan utama dalam parti politik, namun ada pemimpin kesatuan sekerja yang pernah menjadi ahli parlimen. Kesatuan sekerja bebas untuk bersekutu dengan kongres buruh kebangsaan yang melaksanakan sebahagian besar tanggungjawab kesatuan buruh kebangsaan walaupun mereka tidak boleh berunding bagi pihak kesatuan tempatan.

Kesatuan sekerja juga dibenarkan bergabung dengan pertubuhan kesatuan sekerja antarabangsa seperti Persekutuan Kesatuan Sedunia dan GKPA setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Pengarah Kesatuan-kesatuan Sekerja.

Walaupun mogok sektor swasta adalah sah di sisi undang-undang, namun hak untuk mogok amatlah tersekat. Mogok atau sekatan masuk kerja dilarang sama sekali semasa pertikaian sedang dihadapkan di Mahkamah Perindustrian. Undang-undang mengandungi satu senarai “perkhidmatan penting” yang mana pihak kesatuannya mesti memberi notis awal tentang sebarang tindakan industri yang akan diambil. Senarai ini termasuk sektor-sektor yang biasanya tidak dianggap sebagai penting mengikut takrifan ILO. Para pegawai MTUC menyatakan bahawa keperluan yang dikenakan oleh pihak berkuasa terlalu ketat sehingga hampir mustahil untuk mengadakan mogok. Mengikut para pegawai MTUC, sebanyak lapan piket waktu makan tengahari atau satu hari kerja perlahan telah diadakan sepanjang tahun itu tetapi tiada mogok. Para pekerja di sektor awam tidak mempunyai hak untuk berunding secara kolektif.

API memerlukan pihak-pihak berkaitan memaklumkan kepada Kementerian Sumber Manusia tentang wujudnya sebarang pertikaian sebelum sebarang tindakan industri boleh diambil. Jabatan Perhubungan Industri di kementerian ini kemudian mungkin melibatkan diri secara aktif dalam usaha pendamaian. Jika usaha damai gagal menyelesaikan pertikaian, maka pihak menteri mempunyai kuasa untuk merujuk pertikaian tersebut kepada Mahkamah Perindustrian. API melarang pihak majikan daripada membuat tindakan balas terhadap mana-

MALAYSIA

mana pekerja yang menyertai aktiviti sah kesatuan sekerja. Walau bagaimanapun, sesetengah kesatuan sekerja mempersoalkan keberkesanan peruntukan tersebut. API menghadkan pampasan pekerja kepada maksimum dua tahun dari tarikh pekerja tersebut diberhentikan kerja.

b. Hak Menganjur dan Berunding Secara Kolektif

Pekerja mempunyai hak di sisi undang-undang untuk menganjur dan berunding secara kolektif. Perundingan kolektif diamalkan dengan meluas dalam sektor yang dapat menyatukan tenaga buruhnya.

Terdapat dua pertubuhan buruh kebangsaan. MTUC adalah pertubuhan yang dianggotai pelbagai kesatuan sekerja dalam sektor awam dan swasta dan berdaftar di bawah Akta Pertubuhan. Oleh itu, MTUC tidak mempunyai hak untuk membuat perundingan kolektif mahupun mengambil tindakan perindustrian, tetapi MTUC boleh menyediakan sokongan teknikal untuk ahli gabungannya. Organisasi kebangsaan yang kedua ialah Kongres Kesatuan Sekerja dalam Perkhidmatan Awam dan Sivil (CUEPACS), iaitu persekutuan kesatuan sekerja kakitangan awam yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja.

CUEPACS adalah pertubuhan untuk 127 buah kesatuan sekerja kakitangan awam yang dianggotai kira-kira 300,000 daripada satu juta kakitangan awam yang diwakili kira-kira 160 buah kesatuan. Kesatuan guru dianggotai 140,000 orang daripada 300,000 ahli CUEPACS. CUEPACS mengadakan perbincangan dengan pihak kerajaan melalui tiga Majlis Bersama Kebangsaan (MBK) yang mewakili tiga golongan kakitangan: pengurusan dan profesional, sains dan teknologi, dan am (semua golongan pekerja yang lain seperti kakitangan perkeranian dan sokongan). Kerajaan menubuhkan sistem MBK supaya MBK dapat membentuk badan-badan yang menyatupadukan dan perantara dalam sebarang rundingan antara kerajaan dan kesatuan-kesatuan bawah naungan CUEPACS. Ahli-ahli MBK dipilih daripada kalangan kesatuan. Mana-mana kesatuan pekerja perkhidmatan awam boleh berjumpa terus dengan pihak kerajaan berkenaan isu-isu kecil yang melibatkan kesatuan tersebut atau ahli-ahlinya sahaja, tetapi isu-isu yang lebih meluas yang melibatkan seluruh perkhidmatan awam perlu disalurkan kepada CUEPACS dan kemudian kepada mana-mana

MALAYSIA

badan MBK, bergantung kepada golongan kakitangan yang terlibat.

Peraturan kerajaan mengehendkan kuasa perundingan CUEPACS sehingga hampir melupuskan haknya untuk menganjurkan mogok. CUEPACS telah berusaha mendapatkan gaji minimum bagi kakitangan awam tetapi sehingga hujung tahun, pihak kerajaan masih belum mengumumkan sebarang rancangan untuk melaksanakan gaji minimum bagi kakitangan sektor awam mahupun sektor swasta.

Kerajaan mengenakan batasan terhadap perjanjian perundingan kolektif bagi syarikat-syarikat yang dikenalpasti sebagai memiliki taraf perintis. MTUC masih membantah sekatan undang-undang terhadap perundingan kolektif dalam industri perintis.

Dakwaan diskriminasi terhadap pekerja yang terlibat dalam penganjuran kegiatan kesatuan boleh difailkan dengan Kementerian Sumber Manusia atau Mahkamah Perindustrian. Pengkritik mendakwa bahawa mahkamah perindustrian sangat lembab dalam menghakimi aduan pekerja selepas kegagalan Kementerian Sumber Manusia dalam usaha pendamaian.

Kerajaan berpendirian bahawa isu-isu pemindahan, pembuangan, dan pengembalian jawatan pekerja adalah hak pihak pengurusan. Oleh itu, isu-isu sedemikian terkecuali daripada perundingan kolektif.

Syarikat-syarikat di zon pemprosesan eksport mesti mematuhi piawai buruh yang serupa dengan piawai yang digunakan di seluruh negara. Walaupun taraf perintis sektor elektronik melarang penubuhan kesatuan, namun banyak syarikat mempunyai "kesatuan dalaman". Sungguhpun begitu, kesatuan-kesatuan dalaman ini dianggap bawah kawalan pihak pengurusan dan tidak dibenarkan bergabung dengan mana-mana badan naungan kesatuan kebangsaan.

c. Larangan Terhadap Buruh Paksa atau Buruh Wajib

MALAYSIA

Perlembagaan melarang buruh paksa atau buruh wajib, termasuk kanak-kanak. Namun begitu, ada laporan bahawa amalan sedemikian memang berlaku. Undang-undang membenarkan majikan menyimpan pasport pekerja dan ini merupakan amalan yang biasa dilakukan oleh majikan untuk menghalang pekerja daripada mencari kerja di tempat lain. Kumpulan hak asasi manusia membuat aduan bahawa undang-undang ini meletakkan para pekerja sebagai tahanan syarikat yang mengambil mereka bekerja. Ejen-ejen memerlukan bayaran yuran yang kadang kala mendedahkan pekerja untuk berhutang. Sesetengah syarikat menggunakan isu hutang untuk memaksa pekerja asing bekerja dalam keadaan kerja yang teruk, ugutan penjara dan deportasi. Berikutan beberapa kes layanan teruk, termasuk satu kejadian di mana majikan telah membiarkan 2,000 pekerja di lapangan terbang Kuala Lumpur, pihak kerajaan telah mengenakan larangan terhadap pengeluaran permit kerja baru kepada pekerja dari Bangladesh pada bulan Oktober. Ada di kalangan pemerhati yang percaya bahawa pihak kerajaan telah menggunakan kejadian ini sebagai justifikasi untuk menghadkan kemasukan pekerja asing. Akibat berhutang dengan majikan kerana yuran perekutan yang terlalu tinggi serta ketiadaan pasport, para pekerja ini dipaksa bekerja lebih masa, diberi upah yang lebih rendah daripada yang dijanjikan, dipotong gaji, dan diberi tempat tinggal yang teruk. Keadaan buruh paksa dilaporkan berlaku di ladang-ladang getah dan kelapa sawit, kilang-kilang pembuatan komponen komputer, dan pekerjaan sebagai pembantu rumah.

Ada di kalangan anggaran bilangan 320,000 pekerja asing wanita yang bekerja sebagai pembantu rumah mengalami penderaan fizikal dan dipaksa bekerja dalam keadaan yang teseksa. Sesetengah pembantu rumah kanak-kanak juga bekerja dalam keadaan yang serupa dengan buruh paksa. Ada pembantu rumah yang tidak dibayar gaji atau dibayar kurang daripada gaji yang dijanjikan. Beberapa wanita yang telah dianiayai melaporkan bahawa majikan mereka memaksa mereka tidur di atas lantai bilik dapur dan memberi mereka makan sisa hidangan sahaja.

Walaupun Malaysia dan Indonesia telah selesai menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) pada tahun 2006 yang bersetuju, antara lainnya, bahawa pembantu rumah akan dibayar gaji terus kepada mereka, diberi pampasan bagi kecederaan diri, dan

MALAYSIA

diberi masa rehat sebagai mengganti kerja lebih masa, ramai majikan masih membayar gaji mereka kepada agensi pengambilan sebagai pembayaran balik hutang. Mengikut syarat-syarat MOU tersebut, pembantu rumah dikehendaki menyerahkan pasport mereka kepada majikan untuk memastikan mereka tidak lari. Pada 27 November, pihak mahkamah telah mendapati Yim Pek Ha bersalah di atas tiga tuduhan mencederakan Nirmala Bonet, seorang pekerja domestik dari Indonesia, pada tahun 2004. Yim dikenakan hukuman tiga tempoh 18-tahun secara berturut-turut kerana telah melecurkan Nirmala dengan air mendidih dan seterika panas yang mengakibatkan kecacatan teruk pada si mangsa.

Buruh kanak-kanak juga dipakai di tempat-tempat yang tertentu di negara ini.

d. Larangan Terhadap Buruh Kanak-kanak dan Umur Minimum Pekerjaan

Undang-undang melarang pengambilan kanak-kanak di bawah umur 14 tahun sebagai pekerja, tetapi dalam keadaan yang tertentu, undang-undang memberikan kelonggaran seperti kerja ringan dalam perusahaan milik keluarga, pekerjaan dalam bidang hiburan awam, bekerja untuk kerajaan di sekolah atau di institusi latihan, atau bekerja sebagai perintis yang diluluskan. Dalam apa keadaan sekalipun, kanak-kanak tidak boleh bekerja melebihi enam jam sehari, melebihi enam hari seminggu atau pada waktu malam.

Kebanyakan buruh kanak-kanak bekerja secara tidak rasmi di sektor pertanian, membantu ibu bapa mereka di ladang. Walau bagaimanapun, hanya anggota keluarga yang dewasa sahaja yang menerima gaji. Buruh kanak-kanak di bandar kerap digunakan oleh keluarga untuk menjalankan perniagaan makanan, pasar malam, dan industri kecil-kecilan. Pegawai kerajaan tidak menafikan kewujudan buruh kanak-kanak dalam perniagaan milik keluarga, tetapi menegaskan bahawa pekerja asing telah banyak menggantikan buruh kanak-kanak dan peruntukan undang-undang bagi buruh kanak-kanak kini dikuatkuasakan dengan bersungguh-sungguh.

e. Keadaan Kerja Yang Boleh Diterima

Tiada satu pun peruntukan kadar gaji minimum yang berkuat kuasa kerana kerajaan

MALAYSIA

membiarkan kadar gaji ditentukan oleh pasaran. Kadar gaji yang lazim di pasaran umumnya membolehkan rakyat di negara ini menikmati taraf hidup yang agak baik, tetapi keadaan ini tidak sebegitu bagi para pekerja asing. Majlis penetapan gaji ditubuhkan melalui akta tahun 1947 bagi pengesyoran kadar gaji minimum di sektor-sektor yang dianggap rendah kadar gajinya, tetapi majlis ini tidak berkesan dalam mempengaruhi kadar gaji mana-mana sektor pun. Menurut pegawai MTUC, sudah lebih 15 tahun majlis penetapan gaji ini tidak bermesyuarat, dan kadar-kadar gaji yang mereka cadangkan sudah lama tidak boleh dipakai lagi.

Pekerja ladang biasanya menerima bayaran atau gaji harian mengikut hasil kerja masing-masing. Melalui suatu perjanjian tahun 2003, pekerja ladang harus menerima gaji sekurang-kurangnya RM350 (kira-kira \$100) sebulan. Penyokong perjanjian ini menyatakan bahawa insentif dan bonus produktiviti meningkatkan gaji lazim kepada hampir-hampir RM700 (\$200). Para aktivis buruh dan NGO hak asasi manusia melaporkan bahawa ikatan hutang diamalkan di beberapa ladang di mana keluarga-keluarga kaum India dan pekerja hijrahan bekerja dalam keadaan buruh paksa.

Di bawah Akta Pekerjaan, waktu kerja tidak boleh melebihi lapan jam sehari atau 48 jam dalam seminggu bagi setiap minggu kerja yang meliputi enam hari. Setiap minggu kerja mesti meliputi 24 jam waktu rehat. Akta ini juga menetapkan kadar kerja lebih masa dan cuti awam yang diwartakan, cuti tahunan, cuti sakit, dan elaun bersalin. Jabatan Buruh di Kementerian Sumber Manusia bertanggungjawab terhadap penguatkuasaan piawaian ini tetapi masalah kekurangan pegawai pemeriksa menghadkan penguatkuasaan yang ketat.

Pekerja asing tanpa izin yang diambil bekerja oleh syarikat-syarikat khidmat luar berlesen dan dihantar ke kilang-kilang bila timbul keperluan tidak dilindungi undang-undang buruh dan tiada saluran bagi mereka untuk mengambil tindakan undang-undang bagi kes penderaan.

Buruh pendatang asing, baik yang sah dan tidak sah, biasanya bekerja dalam keadaan yang

MALAYSIA

sukar, menjalankan kerja yang berbahaya, ditahan gaji oleh majikan, dan tidak mendapat bantuan peguam dalam kes-kes pencabulan kontrak dan penganiayaan.

Pada bulan Mac, sebuah syarikat pengeluaran yang berpusat di Hong Kong telah bersetuju membayar wang ganti rugi kepada semua pekerja yang diubah kontrak mereka, dirampas pasport, dan dibayar gaji kurang daripada yang dijanjikan. Tindakan syarikat ini adalah berikutan kempen awam yang menonjolkan keadaan kerja teruk yang dialami para pekerja kontrak rakyat Vietnam seramai 1,300 orang yang diambil bekerja pada tahun 2007 dan ditempatkan di kilang pakaian syarikat itu di Pulau Pinang. Seramai 84 orang pekerja yang telah dihantar balik ke negara mereka oleh imigresen atas permintaan syarikat atas dakwaan bahawa mereka telah mengetuai mogok, juga dibayar wang pampasan. Pihak kerajaan tidak memainkan sebarang peranan penting dalam penyelesaian kes ini.

Berikutan laporan berita penyiasatan pada bulan Ogos, sebuah syarikat yang berpusat di luar negara telah mengumumkan bahawa syarikat tersebut mendapati wujudnya pencabulan hak pekerja yang serius di salah sebuah kemudahan kontraknya di Malaysia. Menurut syarikat tersebut, seramai 1,200 orang pekerja di kilang tempatan telah dipaksa tinggal dalam keadaan yang teruk dan dibayar gaji kurang daripada jumlah yang dijanjikan. Syarikat tempatan yang memiliki kilang tersebut juga didapati telah menahan pasport pekerja asing dan ramai antara mereka membayar yuran kepada ejen-ejen di negara masing-masing bagi tujuan mendapatkan pekerjaan di kilang tersebut. Pihak kerajaan telah menolak laporan yang mengatakan bahawa pekerja asing telah dianiaya dan dibayar gaji kurang daripada jumlah yang dijanjikan. Menteri Sumber Manusia mengatakan bahawa syarikat tersebut tidak mencabuli mana-mana undang-undang buruh.

Pekerja asing, terutamanya pendatang haram, biasanya tidak mendapat hak kepada sistem penghakiman buruh. Walau bagaimanapun, kerajaan menjalankan siasatan terhadap aduan penganiayaan, berusaha memaklumkan para pekerja tentang hak mereka, menggalakkan para pekerja untuk tampil ke depan dengan aduan mereka, dan memberi amaran kepada majikan untuk menghentikan penganiayaan. Seperti majikan lain, kontraktor buruh boleh didakwa

MALAYSIA

kerana melanggar undang-undang. Menurut hasil kaji selidik yang dijalankan pada tahun ini oleh Persekutuan Pengilang Malaysia, purata gaji bulanan pekerja asing dalam sektor perkilangan ialah RM581 (kira-kira \$171).

Akta Pampasan Pekerja meliputi pekerja tempatan dan pekerja asing. Namun, akta ini tidak menyediakan perlindungan kepada pembantu rumah warga asing. Menurut kerajaan, pembantu rumah warga asing dilindungi di bawah Akta Pekerjaan berkaitan gaji dan pembatalan kontrak. Walaupun demikian, golongan pekerja ini terkecuali daripada peruntukan akta yang memastikan mereka menerima satu hari cuti dalam seminggu, lapan jam kerja sehari, dan 48 jam kerja seminggu.

Adakalanya, majikan enggan memenuhi syarat pekerjaan dan menganiayai pembantu rumah mereka. Menurut para pegawai Jabatan Imigresen, hanya pembantu rumah yang berusia antara 25 hingga 45 tahun sahaja dibenarkan masuk ke negara ini. Mereka tidak dibenarkan membawa masuk ahli keluarga ke negara ini sementara mereka bekerja di sini. Syarat-syarat kontrak bagi pembantu rumah Indonesia, yang membentuk kira-kira 90 peratus daripada jumlah pembantu rumah asing, selalunya tidak jelas dan boleh disalahgunakan. Kontrak yang lazim menetapkan gaji bulanan sebanyak RM450-RM600 (kira-kira \$132-176) tetapi tidak menyatakan bilangan jam kerja dalam sehari. Terdapat NGO yang melaporkan bahawa ramai pembantu rumah Indonesia dikehendaki bekerja selama 14 hingga 18 jam sehari, tujuh hari seminggu. Kontrak bagi pembantu rumah Filipina memberikan perlindungan yang lebih menyeluruh, tetapi kedua-dua golongan ini tidak lengkap pengetahuan tentang hak mereka di sisi undang-undang.

Ada pekerja yang mendakwa bahawa majikan mereka menyediakan tempat tinggal yang tidak berperikemanusiaan, menahan gaji mereka, mengambil dokumen perjalanan mereka dan mendera mereka secara fizikal.

Para pekerja berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap majikan yang menganiaya mereka. Menurut beberapa NGO, pihak mahkamah biasanya menyebelah pihak pekerja dan memutuskan bahawa pihak majikan mesti membayar segala tunggakan gaji dan ganti rugi

MALAYSIA

kepada plaintif bagi kecederaan yang dialaminya, tetapi penangguhan yang lama prosiding dan keputusan mahkamah kerap menghalang pekerja asing daripada mendapatkan keadilan melalui sistem mahkamah.

Mekanisme bagi pemantauan keadaan di tempat kerja tidak memadai. Agensi-agensi buruh swasta yang biasanya mementingkan keuntungan, malah kerap juga melakukan kesalahan penganiayaan, pula yang biasanya menyelesaikan kes-kes penganiayaan. Perjanjian buruh dua hala dengan Indonesia tidak memberikan perlindungan yang cukup kepada pembantu rumah.

Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan merangkumi semua sektor ekonomi kecuali sektor maritim dan angkatan bersenjata. Akta ini telah mewujudkan Majlis Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan yang terdiri daripada para pekerja, majikan dan wakil kerajaan bagi menetapkan dasar dan menyelaraskan langkah-langkah keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Pihak majikan dikehendaki mengenalpasti risiko dan mengambil langkah berjaga-jaga, termasuk penyediaan latihan keselamatan kepada pekerja, dan memastikan syarikat yang mempunyai lebih daripada 40 pekerja menubuhkan jawatankuasa keselamatan bersama pengurusan dan pekerja. Akta ini mensyaratkan supaya pekerja menggunakan peralatan keselamatan dan bekerjasama dengan majikan untuk memastikan bahawa persekitaran kerja adalah selamat dan sejahtera. Majikan atau pekerja yang melanggar peruntukan akta ini boleh dikenakan denda yang berat atau penjara sehingga lima tahun. Namun demikian, MTUC melaporkan ada sesetengah majikan yang telah melanggar peraturan ini tetapi tidak dihukum. Tiada mana-mana peruntukan berkanun atau undang-undang tertentu yang memberi hak kepada pekerja untuk menarik diri daripada keadaan tempat kerja yang berbahaya tanpa dikenakan tindakan buang kerja oleh pihak majikan.